

PENGAJIAN AL-QUR'AN DALAM KALANGAN AHLI
PERSATUAN ORANG-ORANG CACAT PENGLIHATAN
ISLAM MALAYSIA (PERTIS),
DI KUALA LUMPUR DAN KUALA TERENGGANU

RUMIZA BINTI ABDUL RAHMAN

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010

PENGAJIAN AL-QUR'AN DALAM KALANGAN AHLI
PERSATUAN ORANG-ORANG CACAT PENGLIHATAN
ISLAM MALAYSIA (PERTIS),
DI KUALA LUMPUR DAN KUALA TERENGGANU

RUMIZA BINTI ABDUL RAHMAN

TELAH DISERAHKAN
UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA USULUDDIN

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini dijalankan untuk mengetahui metode-metode pengajaran al-Qur'an yang telah digunakan dalam kelas pengajian al-Qur'an yang dianjurkan oleh Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS). Kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an di kalangan ahli PERTIS seterusnya untuk melihat masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelajar dan guru sepanjang mengikuti kelas pengajian ini. Antara kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kuantitatif dan kualitatif secara deskriptif. Kaedah kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan dan borang soal selidik di mana instrumen kajian adalah untuk melihat tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an. Bagi mengukuhkan dapatan kajian daripada borang soal selidik, kaedah kualitatif melalui temubual semi berstruktur digunakan untuk mendapat maklumat secara lebih mendalam. Kajian ini difokuskan kepada tiga tempat pengajian yang berasingan iaitu pengajian di Kompleks MAB, Brickfields, di sebuah rumah sewa di Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields dan di pejabat PERTIS Seberang Takir, Kuala Terengganu. Seramai 35 orang responden telah terlibat dalam kajian ini dan pengkaji telah melakukan temubual ke atas setiap responden dengan berpandukan borang soal selidik yang disediakan. Data-data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan program SPSS versi 12.0 dan melibatkan penggunaan statistik deskriptif dan statistik inferens untuk menguji hipotesis kajian melalui ujian ANOVA sehalu. Analisis data tersebut berjaya merungkai tiga masalah utama kajian iaitu kaedah yang digunakan oleh golongan cacat penglihatan dalam mempelajari kitab suci al-Qur'an, tahap pengetahuan dan kefahaman al-Qur'an Braille di kalangan ahli PERTIS di Kuala Lumpur dan Kuala Terengganu dan sejauhmanakah tahap pengamalan al-Qur'an Braille di kalangan mereka.

ABSTRACT

The intention of this research is to understand the methods used in the teaching of Al-Qur'an organized by Malaysian Islamic Blind Peoples Organization (*Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia*) (PERTIS). This research is also aims at identifying the level of knowledge, understanding and the practice of Al-Qur'an among the PERTIS members, as well as discovering the problems faced by both the students and instructor throughout the lesson. All in all, the research is concerning on whether this method can help the students to learn and understand Al-Quran better. Some of the methods used in this research are quantitative and qualitative method. Quantitative method is a method using an observation and survey form to evaluate level of acknowledgement, understanding and practice of Al-Quran. To strengthen result for the survey form, a qualitative method which is a semi structural interview is used to get more details on the information. For this purposes, three different locations were selected namely, the MAB Complex at Brickfields, one of the rented houses at Jalan Sultan Abdul Samad, which is also at Brickfields and PERTIS office at Seberang Takir, Kuala Terengganu, involving all together of 35 respondents. The researcher conducted an interview to each respondent based on the survey forms. All the collected data were analyzed using the SPSS program of version 12.0, including the use of both the descriptive statistic and inference statistic to testify hypothesis via one-way ANOVA testing. Results from the analysis data have successfully helped in studying the three main research problems on identifying what are the methods used by the blinds in learning the holy Al-Qur'an, the level of knowledge and understanding of the Quranic Braille system used among the PERTIS members in Kuala Lumpur and Kuala Terengganu and how far the learning of Braille Quran being practiced by them.

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian untuk Allah s.w.t, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w., kaum keluarga serta sahabat-sahabat baginda yang menyambung perjuangan baginda bagi menegakkan agama Allah yang suci ini.

Jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Mustaffa bin Abdullah selaku penyelia disertasi ini yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada pengkaji, juga masa yang telah diluahkan dari kesibukan beliau untuk memperbaiki penulisan yang serba kekurangan ini. Tidak lupa juga buat tenaga pensyarah di Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith terima kasih di atas segala ilmu yang dicurahkan selama ini. Kepada seluruh kakitangan perpustakaan yang telah banyak membantu, terima kasih yang tidak terhingga diucapkan.

Buat ayah yang tersayang, keringat yang dikerah dan kasih sayang yang dicurahkan dalam iringan doa yang tidak pernah sudah, kuucapkan terima kasih di atas pengorbanan ini dan semoga Allah sahaja yang dapat membalasnya. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Kak Lah, Abang Din, Abang Yen, Abang Chik, dan Abang Pi yang telah banyak memberikan dorongan dan menghulurkan bantuan sepanjang kajian ini dijalankan.

Teristimewa buat suami tercinta Zulkifli bin Azit, yang banyak membantu dan tidak pernah jemu memberikan kata semangat, permata hati Muhammad Mursyid Rifqi yang amat memahami perjuangan ini, terima kasih yang tidak terhingga buat kalian.

Tidak lupa juga pengkaji merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Marzilah kerana banyak memberi tunjuk ajar kepada pengkaji, teman-teman seperjuangan, Kak Wa, Kak Emi, Kak Sue, Nabilah, Wana, Khader serta sahabat-sahabat yang banyak menghulurkan bantuan dalam menyiapkan kajian ini, Seterusnya buat anak saudara yang banyak membantu pengkaji iaitu Anis, Ezza, Atif dan Faiz, syukran jazilan diucapkan.

Akhir kalam, pengkaji mengharapkan penulisan ilmiah ini menjadi landasan untuk terus maju dalam bidang ini dan sebagai khazanah berharga dalam lapangan ilmu ini. Sesungguhnya segala yang baik itu datangnya dari Allah dan segala kekurangan dan kelemahan disandarkan kepada pengkaji. Semoga kajian ini dapat memberi manfaat untuk semua. Salam Perjuangan.

Rumiza binti Abdul Rahman, (IGB 050033)

Taman Sri Puteh,

06700 Pendang,

Kedah Darul Aman.

NOVEMBER 2010

DAFTAR ISI

PERKARA	HALAMAN
HALAMAN JUDUL	
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
DAFTAR ISI	vi
BAB SATU : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Kepentingan Kajian	5
1.4 Pengertian Tajuk	6
1.5 Masalah Kajian	8
1.6 Objektif Kajian	9
1.7 Skop Kajian	9
1.8 Hipotesis Kajian	11
1.9 Ulasan Penulisan	12
1.10 Metodologi Penyelidikan	19
1.11 Sistematika Penulisan	27

BAB DUA : SEJARAH PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN PERTIS

2.1 Pengenalan	30
2.2 Sejarah Penubuhan PERTIS	31
2.3 Matlamat dan Objektif Penubuhan PERTIS	34
2.4 Keahlian PERTIS	36
2.5 Logo PERTIS	37
2.6 Sumber Kewangan PERTIS	38
2.7 Pentadbiran dan Pengurusan PERTIS	39
2.8 Struktur Organisasi PERTIS	43
2.9 Aktiviti Yang Dijalankan Oleh PERTIS	45
2.10 Perkhidmatan Yang Disediakan	49
2.11 Perancangan Di Masa Akan Datang	50

BAB TIGA : PENGAJIAN AL-QUR'AN DALAM KALANGAN AHLI PERTIS DI KUALA LUMPUR DAN KUALA TERENGGANU

3.1 Pengenalan	51
3.2 Latar Belakang Responden	52
3.3 Pengajian Dan Pengajaran al-Qur'an di PERTIS	54
3.4 Metode Yang Digunakan Dalam Pengajian al-Qur'an di PERTIS	56
3.5 Masalah-Masalah Yang Dihadapi Dalam Pengajian al-Qur'an	65

BAB EMPAT : ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	69
4.2 Profil Responden	69

4.3	Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Pengamalan Al-Qur'an Di Kalangan Ahli PERTIS	78
4.4	Mengenalpasti Tahap Pengetahuan Al-Qur'an Di Kalangan Ahli PERTIS Berdasarkan Demografi Responden	84
4.5	Mengenalpasti Tahap Kefahaman Al-Qur'an Di Kalangan Ahli PERTIS Berdasarkan Demografi Responden	94
4.6	Mengenalpasti Tahap Pengamalan Al-Qur'an Di Kalangan Ahli PERTIS Berdasarkan Demografi Responden	104
4.7	Analisis ANOVA Dalam Pengujian Hipotesis Pada Tahap Pengetahuan, Kefahaman Dan Pengamalan Al-quran Di Kalangan Ahli PERTIS Dari Segi Demografi.	114

BAB LIMA : RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	124
5.2	Rumusan Hasil Kajian	125
5.3	Cadangan	128
5.4	Pandangan Terhadap Pengajian Al-Qur'an Di PERTIS	131
5.5	Penutup	132
	BIBLIOGRAFI	133

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kitab suci al-Qur'an al-Karim merupakan sumber utama perundangan Islam dan ia telah diturunkan oleh Allah s.w.t. untuk menjadi panduan hidup bagi seluruh umat Islam di atas muka bumi ini. Al-Qur'an juga adalah wahyu yang terakhir dari Allah dan ia diturunkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pembimbing umat akhir zaman. Sejarah juga telah membuktikan bahawa pengajian al-Qur'an telah bermula sejak dari zaman Rasulullah s.a.w. lagi seterusnya zaman sahabat, tabi'in dan tabi' tabi'in dan berterusan hingga ke hari ini. Ia juga merupakan salah satu perkara asas dalam kehidupan setiap umat Islam serta menjadi wajib ke atas setiap muslim mempelajari kitab al-Qur'an dan mengamalkan ajaran yang terkandung di dalamnya.

Namun begitu, setiap manusia yang bergelar umat Islam dan mengaku Allah itu Tuhan sekalian makhluk maka wajiblah ke atasnya mempelajari al-Qur'an termasuklah golongan kurang upaya juga dituntut mempelajarinya. Dalam melalui kehidupan sebagai masyarakat yang kurang sempurna, golongan cacat khususnya cacat penglihatan menghadapi pelbagai masalah dan cabaran yang harus ditempuhi. Golongan ini kurang berpeluang menceburi bidang-bidang pekerjaan dan ianya berpunca daripada kurangnya tahap pendidikan yang diterima. Sebagaimana yang diketahui, hukum mempelajari al-Qur'an adalah fardhu ain ke atas setiap umat Islam tanpa mengira bangsa dan warna kulit, lelaki atau perempuan. Sepertimana golongan celik dan sempurna, golongan cacat penglihatan juga dituntut supaya mempelajari al-Qur'an dan memahami isi

kandungannya. Semuanya ini adalah sebagai panduan hidup mereka di atas dunia ini sebagai bekal diakhirat kelak. Walaupun masalah ini kurang dititik beratkan oleh masyarakat pada hari ini namun pengajian al-Qur'an di kalangan cacat penglihatan juga telah dijalankan dengan menggunakan kaedah-kaedah yang tertentu dan sesuai dengan kemampuan mereka. Menyedari hakikat ini, maka sebagai umat Islam yang prihatin terhadap masalah ini serta kesulitan yang dialami oleh mereka, maka adalah sewajarnya pelbagai pihak tampil menghulurkan bantuan bagi meringankan beban mereka dan bagi memudahkan lagi mereka mempelajari ilmu-ilmu agama sebagaimana golongan celik penglihatan yang lain.

Oleh yang demikian, hasrat untuk merealisasikan generasi yang mempunyai kemantapan dan kefahaman yang mendalam terhadap al-Qur'an tidak mungkin dapat dicapai tanpa kerjasama dari semua pihak lebih-lebih lagi institusi pendidikan. Bagi mencapai matlamat ini pelbagai usaha perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan selaku mahasiswa Islam kajian seumpama ini diharap dapat membantu sedikit sebanyak bagi menjana kefahaman umat Islam yang lain dalam pengajian al-Qur'an.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Golongan cacat penglihatan merupakan golongan yang mempunyai masalah penglihatan dan memerlukan alat bantuan bagi melakukan sesuatu aktiviti harian mereka termasuklah aktiviti pembacaan. Namun begitu, ini tidak bermakna golongan ini tidak pandai atau tidak mampu mencapai kejayaan dalam hidup. Walaupun peluang untuk berjaya sepertimana golongan celik penglihatan agak kurang namun mereka juga berupaya menjadi ahli akademik atau graduan yang berjaya sekiranya diberi peluang dan bantuan yang sewajarnya. Pada hari ini didapati kejayaan demi kejayaan yang telah dicapai oleh golongan cacat penglihatan, antaranya berjaya melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat sarjana dan doktor falsafah. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka juga mampu bersaing dengan insan yang sempurna dan menjadi manusia yang berguna serta memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

Kajian ilmiah ini adalah berkaitan dengan pengajian al-Qur'an di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) di Kuala Lumpur dan Kuala Terengganu. Pengkaji memilih PERTIS sebagai lokasi kajian memandangkan ia adalah sebuah persatuan yang menghimpunkan golongan cacat penglihatan yang beragama Islam dan ini akan membantu pengkaji mencari serta mengumpulkan maklumat berkaitan subjek kajian. Ibu pejabat PERTIS terletak di sebuah bangunan kedai yang disewa di Taman Seri Setapak, Jalan Gombak, Kuala Lumpur. Pada tahun 2008 ibu pejabat PERTIS telah berpindah ke 32A, Tingkat 1, Medan Idaman, Jalan Jernai, 6/21 D 53100 Gombak Kuala Lumpur. Manakala kelas pengajian al-Qur'an pula telah dijalankan di Kompleks MAB Brickfields, sebuah rumah

sewa di Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields dan Pejabat PERTIS Seberang Takir, Kuala Terengganu.

Golongan cacat penglihatan merupakan satu golongan yang istimewa dan mempunyai kelebihan yang tersendiri. Sewajarnya sebagai anggota masyarakat dan umat Islam yang prihatin terhadap golongan ini agar mengambil berat terhadap mereka supaya tidak disisihkan dalam apa jua kegiatan yang dilakukan dalam masyarakat. Sebagai menyahut seruan ini, maka pengkaji mengambil langkah bagi melaksanakan kajian berkaitan pengajian al-Qur'an di kalangan golongan cacat penglihatan seterusnya mengkaji latar belakang pendidikan golongan ini serta membantu mereka bagi melibatkan diri dalam aktiviti pembacaan dan pengajian al-Qur'an dengan lebih mendalam.

Pada hari ini kemajuan telah dicapai dengan terciptanya al-Qur'an Braille dan PERTIS merupakan persatuan pertama yang mencetak al-Qur'an Braille di negara ini. Usaha ini bertujuan bagi membantu serta memudahkan golongan cacat penglihatan mengenal dan membaca al-Qur'an dengan lebih cepat dan mudah. Dalam kajian ini juga pengkaji akan menumpukan kepada kaedah yang telah digunakan dalam pengajian al-Qur'an di kalangan cacat penglihatan, bagaimanakah cara yang digunakan oleh golongan ini dalam mengenal huruf-huruf al-Qur'an seterusnya belajar membaca al-Qur'an. Selain itu, pengkaji juga akan mengenalpasti tahap pengetahuan mereka tentang al-Qur'an Braille, tahap kefahaman dan pengamalan al-Qur'an mereka dalam kehidupan seharian.

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah penting kerana aktiviti agama khususnya pengajian al-Qur'an yang melibatkan golongan cacat penglihatan amat kurang dititik beratkan oleh masyarakat pada hari ini. Pembelajaran al-Qur'an ke atas golongan celik penglihatan adalah merupakan usaha yang tidak asing lagi dalam masyarakat di negara ini. Namun begitu, ia agak asing ke atas golongan yang cacat penglihatan dan mereka bagaikan tersisih bagi mengikuti program-program celik al-Qur'an dan hampir dilupakan oleh masyarakat umum pada hari ini.

Lantaran itu, kajian seumpama ini perlu dijalankan bagi mengetengahkan permasalahan orang-orang cacat penglihatan agar pendidikan al-Qur'an di kalangan mereka berjalan seiring antara mereka yang berupaya dan kurang upaya. Selain itu, pengkaji juga memilih tajuk ini memandangkan belum ada lagi kajian mengenai kaedah pengajian al-Qur'an di kalangan golongan cacat penglihatan yang dilakukan. Pengkaji juga merasakan adalah menjadi tanggungjawab bagi masyarakat Malaysia khususnya umat Islam mengambil berat ke atas masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan ini dalam mempelajari al-Qur'an al-Karim. Selain itu juga hasil dari kajian ini boleh dijadikan panduan oleh pihak-pihak tertentu sama ada yang mempunyai hubungan secara langsung atau tidak langsung dengan golongan cacat penglihatan dan bersedia menghulurkan bantuan serta apa jua bentuk sumbangan kepada mereka.

1.4 PENGERTIAN TAJUK

Tajuk bagi kajian ini ialah Pengajian al-Qur'an Dalam Kalangan Ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS), Di Kuala Lumpur dan Kuala Terengganu. Sebelum pengkaji menghuraikan dengan lebih lanjut lagi berkenaan topik ini, terlebih dahulu pengkaji akan menjelaskan secara umum berkenaan pengertian tajuk yang dipilih ini.

Pengajian menurut Kamus Dewan ialah usaha atau kegiatan belajar membaca al-Qur'an atau pembacaan al-Qur'an. Ia juga boleh dimaksudkan sebagai penyelidikan yang mendalam atau terperinci, pelajaran atau perolehan pelajaran yang mendalam atau diperingkat yang tinggi.¹ Pengajian al-Qur'an yang dimaksudkan oleh pengkaji di sini ialah kegiatan belajar al-Qur'an iaitu yang merangkumi aspek membaca, menghafal dan memahami isi kandungan melalui tafsirannya.

Manakala Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) merupakan sebuah pertubuhan peringkat nasional yang memberi perkhidmatan kepada golongan cacat penglihatan dengan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program keagamaan demi meningkatkan lagi kedudukan golongan cacat penglihatan.

Definisi cacat penglihatan bermaksud kecacatan yang berlaku ke atas seseorang akibat daya penglihatannya yang rendah. Dari segi teknikal pula cacat penglihatan dapat ditujukan kepada seseorang yang tidak mempunyai sedikit pun daya penglihatan ataupun daya penglihatannya adalah 6/60 atau 20/200 atau kurang dari itu mengikut

¹ Noesah Baharom (ed.al), (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 657.

ukuran Carta Snellen bagi sebelah mata yang lebih baik setelah menggunakan cermin mata atau lain-lain alat optik yang paling sesuai baginya. Di samping itu, seseorang itu dikatakan mengalami kecacatan penglihatan apabila ruang penglihatannya (field of vision) kurang dari 20 darjah pada garis pusat yang paling lebar.²

Carta Snellen telah digunakan bagi menentukan tahap penglihatan 20/20 dikategorikan sebagai penglihatan biasa, tahap penglihatan 20/40 adalah kategori rabun biasa, tahap penglihatan 20/80 adalah kategori rabun jauh dan memerlukan tulisan Braille (dikenali dengan B2) dan tahap penglihatan 20/200 adalah kategori buta dan memerlukan tulisan Braille (dikenali dengan B1). Oleh itu, tulisan Braille ini digunakan oleh pelajar cacat penglihatan dalam dua kategori iaitu B1 dan B2.³

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), orang cacat penglihatan boleh didefinisikan sebagai:

*“A person is visually impaired when the eyesight is so weak that it is difficult or impossible for him or her to read ordinary print and/or to find his or her way about. Those having a visual acuity of not more than 0.3 or who have a limited field of vision are also termed visually impaired.”*⁴

Definisi awal bagi istilah cacat penglihatan telah digunakan di Amerika Syarikat pada tahun 1961 yang bermaksud penglihatan seseorang iaitu 20/200 ataupun kurang.

² Hajjah Aminah binti Ishak (1990), *Maklumat Pekerjaan Dan Masalah Penempatan Pekerjaan Di Kalangan Pelajar Cacat Penglihatan Di Peringkat Menengah Atas*, Disertasi, Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, hlm. 60-61. Lihat juga J. Silver (1986), *Assessment Of Visual Function And Prescribing For Low Vision Pattern - A Clinical Approach*, *Low Vision is Not Blindness*, Malaysian Association For The Blind, Kuala Lumpur.

³ Ibrahim Jelani (2006), *Pengenalan Braille*, Kertas kerja dibentangkan semasa Kursus Asas Pendidikan Khas Guru-guru Agama Kerajaan Johor, Peringkat Negeri Johor, Hotel Good Hope, Skudai, Johor Bahru, 14 hingga 18 Ogos 2006.

⁴ Wong Yoon Kiong (1991), *Perkhidmatan Sosial Untuk Orang Cacat Penglihatan Di Malaysia: Satu Kajian Kes Pertubuhan Orang Buta Malaysia (POBM)*, Disertasi, Kuala Lumpur: Jabatan Antropologi Dan Sosiologi Universiti Malaya, hlm. 41.

Kecacatan penglihatan yang tidak sepenuhnya berlaku apabila seseorang itu berkebolehan melihat antara 20/200 dan 20/70. Manakala definisi buta yang digunakan di Hong Kong pada tahun 1961 pula ialah mereka yang tidak nampak sebarang cahaya dan penglihatannya ialah 3/60 atau kurang.

Terminologi cacat penglihatan mengikut sudut pendidikan ialah cacat separuh atau kurang nampak ialah mereka yang berkemampuan untuk membaca dan melihat huruf biasa. Manakala buta ialah yang tidak dapat melihat langsung dan perlu kepada penggunaan “Braille” untuk membaca. Definisi lain yang dikemukakan oleh *The World Council for the Welfare of the Blind* dan digunakan di negara kita ialah tidak dapat melihat langsung atau kebolehan melihat tidak lebih daripada 6/60 atau 20/200 iaitu dengan Ujian Snellen⁵ atau penglihatan yang terhad iaitu kurang daripada 20%. Walaupun banyak definisi yang digunakan, namun bagi golongan yang mengalaminya tetap tidak dapat melihat dengan jelas apa yang ada di sekelilingnya berbanding dengan orang yang normal penglihatannya. Oleh itu golongan ini sudah pasti memerlukan perhatian dan bimbingan khas demi kebajikan dirinya, keluarga dan masyarakat.⁶

1.5 MASALAH KAJIAN

Setelah meneliti pengertian tajuk kajian ini, maka pengkaji telah merumuskan beberapa masalah yang menjadi persoalan penting dalam kajian ini. Antaranya ialah:

⁵ Ujian Snellen iaitu cara menguji kebolehan mata untuk melihat dengan menggunakan carta. 20/200 bermakna orang cacat penglihatan dapat melihat sejauh 20 kali sedangkan orang normal dapat melihat sejauh 200 kali.

⁶ Hajah Hasnah Udin (1992), *Bimbingan Kanak-Kanak Luar Biasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 2.

1. Apakah kaedah yang digunakan oleh golongan cacat penglihatan dalam mempelajari kitab suci al-Qur'an?
2. Sejauhmanakah tahap pengetahuan dan kefahaman al-Qur'an Braille di kalangan ahli persatuan PERTIS di Kuala Lumpur dan Kuala Terengganu?
3. Sejauhmanakah tahap pengamalan al-Qur'an Braille di kalangan ahli persatuan PERTIS di Kuala Lumpur dan Kuala Terengganu?

1.6 OBJEKTIF KAJIAN

Setiap kajian yang dilakukan oleh para pengkaji adalah berlandaskan kepada objektif utama yang ingin dicapai. Manakala untuk membentuk sesuatu objektif kajian pula memerlukan kepada ketelitian dalam memfokuskan kepada topik kajian. Dalam kajian ini, terdapat tiga objektif utama iaitu:

1. Untuk mengetahui kaedah yang telah digunakan oleh golongan cacat penglihatan dalam mempelajari al-Qur'an.
2. Untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan kefahaman al-Qur'an Braille di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)
3. Untuk melihat perbezaan tahap pengamalan al-Qur'an Braille di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)

1.7 SKOP KAJIAN

Kajian ini adalah memfokuskan kepada pengajian al-Qur'an di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) di Kuala Lumpur dan Kuala Terengganu. Terlebih dahulu pengkaji akan mengkaji tentang sejarah

penubuhan persatuan ini dan melihat sejauh manakah tahap pengetahuan, tahap kefahaman dan pengamalan al-Qur'an di kalangan golongan cacat penglihatan yang mengikuti pengajian al-Qur'an yang telah di jalankan oleh pihak PERTIS ini . Seterusnya pengkaji akan mengkaji apakah kaedah-kaedah yang telah digunakan oleh golongan ini dalam mempelajari al-Qur'an dan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

Bagi melengkapkan kajian ini pengkaji akan menjalankan kajian di tiga tempat yang berlainan bagi mengumpulkan segala maklumat yang diperlukan iaitu pengajian al-Qur'an di Kompleks MAB Brickfield, di sebuah rumah sewa di Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfield dan di pejabat PERTIS Seberang Takir Kuala Terengganu. Pengkaji telah memilih untuk menjalankan kajian di Kuala Lumpur dan Kuala Terengganu sebagai lokasi kajian memandangkan dua negeri ini menjalankan kelas pengajian al-Qur'an untuk golongan cacat penglihatan di bawah anjuran PERTIS dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Hasil daripada soal selidik dan temubual yang dilakukan, pengkaji akan melakukan analisis dan dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan perbezaan tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an Braille di kalangan mereka.

Selain itu, persatuan ini juga adalah persatuan yang ditubuhkan khas untuk umat Islam yang cacat penglihatan dan banyak aktiviti-aktiviti lain yang dianjurkan oleh pihak PERTIS demi membantu golongan kurang upaya ini dalam mendalami agama Islam. Ini menunjukkan bahawa pihak PERTIS sentiasa mengambil berat berkaitan kebajikan dan pendidikan golongan cacat penglihatan.

1.8 HIPOTESIS KAJIAN

Ho (1): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dari segi jantina.

Ho (2): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dari segi umur.

Ho (3): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dari segi status.

Ho (4): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dari segi bangsa.

Ho (5): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dari segi pekerjaan.

Ho (6): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dari segi pendapatan.

Ho (7): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dari segi pendidikan.

1.9 ULASAN PENULISAN

Dalam merealisasikan sebuah kajian ilmiah yang baik dan bermutu, tinjauan literature adalah amat penting dilakukan untuk melihat dan meninjau dapatan-dapatan kajian yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Dalam tinjauan literature bagi kajian ini, pengkaji telah menjadikan latihan ilmiah, disertasi, tesis, kertas seminar, buku dan jurnal sebagai rujukan utama dan panduan dalam usaha mengumpulkan serta menghasilkan sesuatu yang terbaik bagi kajian ini.

Sepertimana yang diketahui, bidang pengajian al-Qur'an merupakan salah satu bidang yang sering menjadi pilihan para pengkaji untuk dijadikan topik kajian. Namun begitu, kajian berkaitan pengajian al-Qur'an di kalangan orang cacat penglihatan belum pernah dilakukan oleh mana-mana pihak. Berdasarkan kajian-kajian yang ditemui khususnya di dalam latihan ilmiah, para pengkaji lebih berminat melakukan kajian berbentuk lapangan dengan memfokuskan kepada lokasi-lokasi tertentu seperti sekolah-sekolah pondok, Felda, sekolah menengah, institut pengajian dan sebagainya. Kesimpulan yang dapat dibuat dari kajian-kajian yang telah dilakukan ini pada umumnya para pengkaji menghuraikan berkenaan kaedah dan sejarah penurunan al-Qur'an, sejarah pengajian al-Qur'an pada zaman Rasulullah, sahabat, tabi'in dan tabi' tabi'in. Perbezaan yang dapat dilihat dari semua kajian ini ialah lokasi kajian, responden kajian dan metode yang digunakan dalam pengajian mereka adalah berlainan.

Pengkaji telah menjumpai dua buah kajian yang dijalankan dengan memfokuskan PERTIS sebagai lokasi kajian iaitu latihan ilmiah oleh Roshaida Yaacob⁷ dan Noorain binti Harun.⁸ Dalam kajian Roshaida Yaacob yang bertajuk *Al-Qur'an Braille, Kaedah Penerbitan Dan Sumbangannya Kepada Golongan Cacat Penglihatan: Kajian Di Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)*, beliau telah mengkaji berkaitan al-Qur'an Braille dan kaedah-kaedah yang digunakan oleh pihak PERTIS dalam penerbitan al-Qur'an Braille. Selain itu, beliau juga menghuraikan tentang sumbangan al-Qur'an Braille kepada golongan cacat penglihatan disamping mengutarakan permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh pihak PERTIS khususnya golongan cacat penglihatan dalam memenuhi keperluan mereka terutamanya bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan ilmu-ilmu agama ekoran daripada kekurangan bahan-bahan ilmiah yang bercorak keagamaan yang diterbitkan dalam tulisan Braille.

Manakala dalam kajian yang ditulis oleh Nooraini binti Harun pula mengkaji tentang metode dakwah kepada golongan cacat penglihatan di Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS). Dalam penulisan ini, beliau telah mengkaji sejauhmana usaha dakwah yang telah dijalankan ke atas golongan cacat penglihatan, seterusnya menghuraikan berkaitan metode dakwah yang telah digunakan dalam aktiviti-aktiviti dakwah yang telah dilaksanakan oleh pihak PERTIS bagi membantu golongan cacat penglihatan ini mendalami ajaran agama Islam. Selain itu,

⁷ Roshaida Yaacob (2003), *Al-Qur'an Braille, Kaedah Penerbitan Dan Sumbangannya Kepada Golongan Cacat Penglihatan: Kajian Di Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)*, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

⁸ Noorain binti Harun (2002), *Metode Dakwah Kepada Golongan Cacat Penglihatan Di PERTIS (Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia)*, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Jabatan Antropologi Dan Sosiologi Universiti Malaya.

beliau juga telah mengemukakan masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan tersebut.

Kajian yang dilakukan oleh Alimah binti Abd Rahman⁹ dalam disertasi beliau telah meninjau berkaitan sikap, masalah dan keperluan pelajar dalam pembelajaran tilawah al-Qur'an menerusi tulisan Braille. Kajian beliau juga dijalankan untuk mengetahui tentang pendekatan kaedah pengajaran yang telah digunakan, masalah-masalah yang dihadapi dan keperluan guru di dalam pengajaran tilawah al-Qur'an dengan menggunakan tulisan Braille. Kajian ini juga telah dijalankan di sebuah sekolah rendah pendidikan khas di Johor Bahru dengan melibatkan 31 orang pelajar daripada tahun empat, lima dan enam dari sekolah tersebut. Pengkaji telah menemui pelbagai maklumat baru dalam kajian yang telah dilakukan oleh beliau dan dijadikan sebagai panduan bagi melaksanakan kajian ini.

Antara kajian lain yang berkaitan golongan cacat penglihatan ialah kajian yang telah dilakukan oleh Wong Yoon Kiong¹⁰ yang memfokuskan kepada Pertubuhan Orang Buta Malaysia (POBM). Dalam kajian ini, beliau cuba menilai tahap keberkesanan perkhidmatan dan skim bantuan yang diberi oleh POBM kepada ahli-ahlinya. Penulis kajian ini telah menyatakan secara ringkas tentang semua perkhidmatan sosial yang disediakan oleh pertubuhan sukarela dan kerajaan. Secara umumnya kajian ini melihat perkembangan perkhidmatan sosial untuk orang cacat penglihatan di

⁹ Alimah binti Abd Rahman (2006), *Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah al-Qur'an Menerusi Tulisan Braille Di Sebuah Sekolah*, Disertasi, Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

¹⁰ Wong Yoon Kiong (1991), *Perkhidmatan Sosial Untuk Orang Cacat Penglihatan Di Malaysia: Satu Kajian Kes Di Pertubuhan Orang Buta Malaysia (POBM)*, Disertasi, Kuala Lumpur: Jabatan Antropologi Dan Sosiologi Universiti Malaya.

Malaysia dan usaha-usaha yang dilakukan oleh mereka untuk mengatasi masalah melalui pembentukan satu pertubuhan.

Manakala kajian yang ditulis oleh Hajjah Aminah binti Ishak¹¹ yang menulis berkaitan maklumat pekerjaan dan masalah penempatan pekerjaan di kalangan pelajar cacat penglihatan. Kajian ini secara umumnya mengkaji tahap pengetahuan pelajar cacat penglihatan mengenai dunia pekerjaan mengikut jantina, pencapaian akademik, daya penglihatan, sistem persekolahan dan tempat tinggal. Selain itu, beliau juga mengkaji faktor pelajar-pelajar cacat penglihatan memilih sesuatu kategori pekerjaan, masalah dan kecurigaan yang dihadapi oleh pelajar dalam menghadapi dunia pekerjaan dan penempatan pekerjaan.

Hasil kajian ini didapati tiada perbezaan pengetahuan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Pelajar yang daya penglihatannya lebih tinggi mempunyai pengetahuan yang lebih dari pelajar yang daya penglihatannya lebih rendah. Begitu juga dengan pelajar yang pencapaian akademiknya tinggi mempunyai pengetahuan yang lebih luas. Kategori pekerjaan yang menjadi pilihan para pelajar dalam kajian ini adalah kategori profesional dan separa profesional sahaja. Kesimpulan yang dapat dibuat pelajar dalam kajian ini mempunyai pengetahuan yang agak luas mengenai pekerjaan yang terdapat di pasaran buruh sama ada untuk golongan cacat penglihatan atau sebaliknya. Kajian ini menjadi panduan bagi pengkaji untuk mengenali dan mendalami golongan cacat penglihatan dengan lebih dekat lagi.

¹¹ Hajjah Aminah binti Ishak (1990), *Maklumat Pekerjaan Dan Masalah Penempatan Pekerjaan Di Kalangan Pelajar Cacat Penglihatan Di Peringkat Menengah Atas*, Disertasi, Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

Sebuah kajian yang membincangkan tentang penggunaan media massa di kalangan orang cacat penglihatan telah dilakukan oleh Chin Kho Nee. Beliau telah melihat kepada penggunaan media massa oleh golongan minoriti secara umum dan golongan cacat penglihatan secara khususnya. Golongan cacat penglihatan dijadikan subjek kajian kerana golongan tersebut merupakan golongan yang paling kerap dipinggirkan oleh orang ramai. Pelajar Gurney Training Centre dan ahli perpustakaan Malaysian Association For The Blind di Kuala Lumpur dijadikan sampel kerana mereka dapat mengakses segala media massa khas untuk golongan tersebut. Pendekatan yang digunakan untuk kajian ini ialah pendekatan penggunaan dan kepuasan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa faktor ekonomi menghadkan pembelian media massa bagi golongan cacat penglihatan.

Golongan tersebut paling kerap menggunakan media massa di rumah masing-masing dan waktu yang paling kerap digunakan untuk penggunaan media massa ialah waktu malam. Manakala media massa yang paling kerap digunakan dan paling disukai oleh golongan cacat penglihatan ialah radio. Majoriti golongan cacat penglihatan menggunakan media massa untuk tujuan mendapat maklumat dan mereka berasa puas hati selepas menggunakannya. Secara amnya media massa adalah amat penting bagi golongan cacat penglihatan.¹²

Di antara kajian lain berkaitan dengan golongan cacat penglihatan ialah mengenai sumbangan pertubuhan sukarela ke atas komuniti cacat penglihatan. Kajian

¹² Chin Kho Nee (2002), *Penggunaan Media Di Kalangan Minoriti: Satu Kajian Kes Golongan Cacat Penglihatan Di Kuala Lumpur*, Disertasi, Kuala Lumpur:

ini telah dilakukan oleh Laxme Preyalatha¹³ yang bertujuan untuk mengenal pasti peranan pertubuhan sukarela dalam melindungi hak serta memelihara kebajikan golongan cacat khususnya komuniti cacat penglihatan. Beliau telah menjalankan kajiannya di Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia yang merupakan penaung bagi komuniti cacat penglihatan di Malaysia. Dalam kajian ini juga beliau telah menganalisis peranan PBOBM dalam mempertingkatkan kualiti kehidupan golongan cacat penglihatan di Malaysia. Selain itu, beliau juga mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan golongan cacat penglihatan dalam kegiatan-kegiatan yang dijalankan. Beliau juga telah membuat penilaian ke atas sumbangan persatuan yang terdiri dari bentuk-bentuk perkhidmatan, aktiviti yang dijalankan, bantuan kewangan serta kemudahan yang telah disediakan.

Sebuah lagi kajian yang seumpama ini yang mengkaji tentang peranan yang dimainkan oleh pertubuhan orang cacat penglihatan dalam membantu meringankan beban golongan cacat penglihatan menerusi perkhidmatan dan bantuan yang dihulurkan ialah kajian yang dilakukan oleh Kaaroline a/p Francis Stanislaus.¹⁴ Beliau telah menyenaraikan jenis-jenis perkhidmatan dan bantuan yang disediakan oleh Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (POCPM) serta sambutan ahli-ahli persatuan terhadap perkhidmatan dan bantuan yang disediakan. Selain itu, beliau juga mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh golongan ini serta mencari jalan penyelesaiannya.

¹³ Laxme Preyalatha a/p E.Narayanan (2002), *Sumbangan Pertubuhan Sukarela Ke Atas Komuniti Cacat Penglihatan: Kajian Kes Di Kompleks Persatuan Bagi Orang Buta, Brickfield Kuala Lumpur*, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Jabatan Antropologi Dan Sosiologi, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial.

¹⁴ Kaaroline a/p Francis Stanislaus (1998), *Peranan Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (POCPM) Dalam Perkhidmatan Kepada Komuniti Cacat Penglihatan*, Kuala Lumpur: Jabatan Antropologi Dan Sosiologi, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial.

Kesimpulan yang dapat dibuat dari semua kajian ini menunjukkan bahawa golongan cacat penglihatan memerlukan bantuan dan sumbangan dari pelbagai pihak bagi meningkatkan lagi taraf kehidupan mereka sama ada melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan atau keagamaan.

Walaupun terdapat banyak kajian yang mengkaji berkaitan pengajian al-Qur'an namun belum ada lagi kajian yang memfokuskan kepada pengajian al-Qur'an di kalangan orang cacat penglihatan. Oleh itu adalah sewajarnya kajian seumpama ini dilakukan bagi mengkaji serta mengetahui bagaimana golongan cacat penglihatan mempelajari al-Qur'an. Selain itu terdapat juga kajian-kajian lain yang dilakukan dengan menjadikan PERTIS sebagai lokasi kajian namun pengkaji mendapati objektif utama kedua-dua kajian ini adalah amat berbeza. Disebabkan kajian terhadap pengajaran al-Qur'an Braille adalah terhad, maka kajian-kajian lepas yang hampir sama dengan aspek yang dikaji akan dijadikan sebagai perbandingan di dalam penyelidikan ini.

Dalam kajian yang pengkaji lakukan ini akan menghuraikan berkaitan pengajian al-Qur'an di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS), pengkaji akan melihat bagaimana proses pembelajaran berlaku seterusnya akan menilai sejauhmana penglibatan golongan cacat penglihatan di dalam bidang ini bagi mengetahui tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an dalam kehidupan seharian mereka. Ternyata banyak perbezaan di antara kajian-kajian yang telah dilakukan dengan kajian ini dan pengkaji yakin dengan terlaksananya kajian ini maka pelbagai manfaat dapat diperolehi oleh para pelajar atau sesiapa sahaja untuk mengetahui berkenaan pengajian al-Qur'an yang dijalankan ke atas golongan cacat penglihatan.

1.10 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Metode berasal daripada perkataan Yunani iaitu *methodos* yang bererti cara atau jalan¹⁵ dan *logos* pula bererti ilmu. Terdapat beberapa perkataan dalam bahasa Arab yang hampir sama maksudnya dengan metode iaitu perkataan *uslub*, *manhaj* dan *wasilah*. Dalam bahasa Arab *uslub* bererti jalan atau cara.¹⁶ Penyelidikan merupakan sesuatu penelitian secara berhati-hati dan kritis dalam usaha mencari fakta atau prinsip-prinsip. Ia juga bermaksud sesuatu penelitian yang cermat untuk mencapai kepastian mengenai sesuatu perkara.¹⁷ Kaedah yang berkesan bagi pengumpulan data bergantung kepada objektif sesuatu penyelidikan. Kita perlu mengenal pasti objektif dan jenis penyelidikan yang ingin dijalankan.¹⁸ Dalam kajian ini pengkaji menggunakan tiga kaedah penyelidikan yang utama bagi menyiapkan penulisan ini iaitu dengan menggunakan metode penentuan subjek, metode pengumpulan data dan metode analisis data. Manakala dalam proses mengumpul dan mendapatkan data, pengkaji telah menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan.

Data atau sumber boleh dibahagikan kepada sumber pertama dan kedua. Sumber pertama merujuk kepada data asli yang dihasilkan oleh penyelidik sendiri sama ada melalui uji kaji, ujian kes atau kaji selidik dan juga penerbitan rasmi. Sumber kedua pula adalah berupa bahan-bahan bercetak yang dihasilkan oleh individu atau institusi.¹⁹

¹⁵ Koentjaraningrat (et.al), (1977), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Penerbit PT Gramedia, hlm. 16.

¹⁶ Ab. Aziz Mohd Zain (2001), *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 42.

¹⁷ Winardi (1976), *Pengantar Metodologi Research*, Bandung: Penerbit Alumni, hlm. 55.

¹⁸ Mohd Majid Konting (2005), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 86.

¹⁹ Sivachandralingam, *opcit.*, hlm. 22.

1.10.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan untuk melihat kaedah-kaedah yang digunakan dalam pengajian al-Qur'an yang di anjurkan oleh pihak PERTIS seterusnya untuk melihat tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif secara deskriptif. Kaedah kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan dan borang soal selidik di mana instrumen kajian adalah untuk melihat tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an. Bagi mengukuhkan dapatan kajian daripada borang soal selidik, kaedah kualitatif melalui temubual semi berstruktur digunakan untuk mendapat maklumat secara lebih mendalam.

1.10.2 Metode Penentuan Subjek

Dalam kajian ini pengkaji menumpukan kepada proses pengajian al-Qur'an yang telah dijalankan oleh PERTIS ke atas golongan cacat penglihatan. Pengkaji akan menghuraikan berkaitan kaedah atau metode yang telah digunakan dalam kelas pengajian al-Qur'an ini seterusnya dapat mengetahui tahap penglibatan mereka dalam aktiviti pengajian al-Quran. Selain itu pengkaji juga akan mengenalpasti tahap pengetahuan, tahap kefahaman dan pengamalan al-Qur'an mereka melalui soal selidik yang dijalankan ke atas responden.

Seterusnya pengkaji akan merungkai apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan ini dalam aktiviti pembelajaran al-Qur'an dan pihak yang terlibat dalam kelas pengajian al-Qur'an ini. Pengkaji juga akan mengemukakan saranan-saranan yang sepatutnya diambil bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi seterusnya bagi melancarkan lagi aktiviti pembelajaran al-Qur'an ini. Subjek yang menjadi pilihan dalam kajian ini ialah ahli-ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam

Malaysia yang menghadiri kelas pengajian al-Qur'an yang dianjurkan oleh PERTIS di Kuala Lumpur dan Kuala Terengganu serta guru-guru al-Qur'an yang terlibat.

1.10.3 Metode Pengumpulan Data

Metode ini digunakan bagi mengumpul dan mendapatkan data-data yang diperlukan bagi melengkapkan penulisan kajian ini dan hasil daripada pengumpulan data ini akan dijadikan sebagai fakta kajian. Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan dua kaedah utama bagi mengumpulkan data iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan.

1.10.4 Penyelidikan Perpustakaan

Penyelidikan ini memerlukan pengkaji melakukan pembacaan dan penelitian yang mendalam untuk memperolehi maklumat dan data dalam bentuk dokumentasi. Data dan maklumat-maklumat tersebut diperolehi daripada buku-buku, jurnal, akhbar, risalah, tesis, majalah, kertas kerja seminar dan sebagainya yang ditulis dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Bagi merealisasi dan memenuhi keperluan kajian ini, pengkaji telah memilih perpustakaan-perpustakaan berikut sebagai pusat rujukan bagi mengumpulkan segala maklumat dan bahan kajian antaranya ialah:

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur
2. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
3. Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya
4. Perpustakaan Awam Islam, Pusat Islam Malaysia
5. Perpustakaan Negeri Kedah Darul Aman
6. Perpustakaan Kolej Universiti Insaniah (KUIN)

7. Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia
8. Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Walaupun bagaimanapun penyelidikan perpustakaan hanya menyediakan maklumat kajian dalam bentuk teori sahaja. Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk mengumpulkan maklumat bagi bab pertama, bab kedua dan bab kelima. Di dalam penyelidikan perpustakaan ini pengkaji telah membahagikan kepada dua bahagian iaitu metode dokumentasi dan metode histories atau persejarahan.

➤ Metode Dokumentasi

Metode ini adalah salah satu kaedah pengumpulan data dengan mengkaji dokumen-dokumen yang berkaitan dengan skop kajian. Dokumen yang dimaksudkan ialah berupa bahan bertulis yang dapat memberikan berbagai keterangan kepada pengkaji. Oleh itu, pengkaji telah merujuk kepada pelbagai dokumen sama ada dalam bentuk catatan, artikel, buku-buku, pamflet, ensiklopedia dan sebagainya yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Metode ini digunakan secara menyeluruh dalam menghasilkan kajian ini khususnya dalam bab satu, dua dan lima.

➤ Metode Historis

Metode historis merupakan satu proses yang meliputi pengumpulan dan penafsiran gejala atau peristiwa yang berlaku pada masa lampau.²⁰ Memandangkan kajian ini menumpukan kepada pengajian al-Qur'an, maka pengkaji telah menggunakan metode historis bagi menilai dan mendapatkan fakta-fakta berkenaan sejarah penubuhan PERTIS dan perkembangannya hingga ke hari ini.

²⁰ Winarno Surachmad (1970), *Dasar dan Teknik Research Pengantar Metodologi Ilmiah*, Bandung: Penerbit C.V. Tarsito, hlm. 123.

1.10.5 Penyelidikan Lapangan

Penyelidikan lapangan mengkehendaki pengkaji menghadirkan diri di lokasi kajian. Dalam kajian ini pengkaji telah melakukan beberapa aktiviti bagi mendapatkan maklumat berkaitan pengajian al-Qur'an di kalangan orang cacat penglihatan dan data-data penting bagi melengkapkan penulisan ini dan dapat menghasilkan sebuah kajian yang baik. Pengkaji juga telah melakukan proses temubual dengan responden-responden yang terlibat dalam pengajian al-Qur'an ini dan ahli jawatankuasa PERTIS yang lain. Selain itu, pengkaji juga turut menghadiri kelas pengajian yang telah dijalankan bagi membuat tinjauan seterusnya melihat sendiri bagaimana proses pembelajaran dan pengajian al-Qur'an dilakukan. Di antara tempat-tempat yang pengkaji hadiri ialah kelas pengajian al-Qur'an yang telah dijalankan di Kompleks MAB Brickfield, pengajian al-Qur'an di sebuah rumah sewa di Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfield dan pengajian al-Qur'an di Pejabat Pertis Seberang Takir, Kuala Terengganu.

➤ Metode Observasi

Observasi atau proses pemerhatian merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpulkan data. Pemerhatian boleh dilakukan secara berstruktur atau tidak berstruktur.²¹ Dalam proses ini pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian tanpa kawalan iaitu pengkaji mengumpulkan data secara terus yang bersifat umum dan meluas. Pengkaji telah melakukan observasi terhadap pengajian al-Qur'an yang telah dijalankan oleh PERTIS. Melalui kaedah ini pengkaji dapat melihat dengan lebih dekat lagi bagaimana proses pengajian al-Qur'an di kalangan orang buta berlangsung.

²¹ Mohd Majid Konting (2005), *op.cit.*, hlm. 248.

➤ Metode Temubual

Metode wawancara atau temubual adalah satu proses untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada seseorang responden dengan berbual secara bersemuka²² atau melalui telefon. Pengkaji telah menggunakan kedua-dua kaedah ini iaitu secara bersemuka dan melalui telafon. Temubual yang dilakukan adalah separa seragam iaitu berpandukan kepada soalan yang telah disenaraikan sebagai panduan. Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan soalan tambahan bagi mendalami subjek yang dikaji dan bertujuan untuk memperkemaskan maklumat yang diperolehi dari sumber lain.

Pengkaji telah melakukan proses temubual dengan ahli-ahli PERTIS yang mengikuti pengajian al-Qur'an ini dan guru-guru yang terlibat dalam pengajian Al-Qur'an yang telah dianjurkan oleh pihak PERTIS ini. Selain itu, pengkaji juga banyak mendapatkan maklumat tambahan dengan menemuramah kakitangan PERTIS yang berkhidmat di situ. Segala maklumat dan data yang diperolehi direkodkan sebagai panduan dan rujukan bagi kajian ini.

➤ Metode Soal Selidik

Kaedah lain yang digunakan untuk mendapatkan data adalah melalui pengedaran borang soal selidik. Oleh kerana responden yang terlibat tidak dapat melihat dan tidak dapat menanda atau menjawab soalan di atas borang soal selidik, maka setiap responden akan disoal oleh pengkaji dan pengkaji juga akan menanda jawapan yang di jawab oleh responden di atas kertas. Borang soal selidik dibentuk daripada item yang dibina berdasarkan pemerhatian pengkaji terhadap kelas pengajian al-Qur'an yang

²² Koentjaraningrat (et.al), *op.cit.*, hlm. 162.

dianjurkan serta merujuk kepada kajian-kajian lepas. Item di dalam borang soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu:

Bahagian A: Profil Demografi Responden

Bahagian B: Tahap Pengetahuan Al-Qur'an

Bahagian C: Tahap Kefahaman Al-Qur'an

Bahagian D: Tahap Pengamalan Al-Qur'an

Soalan tentang biodata dan demografi responden diletakkan di bahagian A. soalan bahagian ini meliputi jantina, umur, status, bangsa, pekerjaan, pendapatan, pendidikan, negeri asal dan sebab kecacatan. Soalan di bahagian ini menggunakan skala nominal. Soalan di bahagian B hingga D menggunakan skala likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju, dan sangat setuju. Skala ini akan memudahkan pengkaji membuat analisa di mana jawapan disediakan dan responden hanya perlu menjawab dengan memilih jawapan paling sesuai dan pengkaji akan menandakan jawapan tersebut.

Jadual 1.1: Pengukuran Soalan Soal Selidik

Skala	Skor Markah
Sangat tidak setuju	1
Tidak setuju	2
Setuju	3
Sangat setuju	4

Bahagian B mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan tahap pengetahuan responden tentang al-Qur'an Braille. Responden perlu memilih jawapan yang bersesuaian dengan tahap pengetahuan mereka seperti pernah belajar membaca al-

Qur'an Braille ketika sekolah rendah, pendidikan awal al-Qur'an bermula di rumah dan sebagainya.

Bahagian C soal selidik ialah soalan tentang tahap kefahaman al-Qur'an Braille di kalangan ahli PERTIS. Soalan yang ditanya adalah seperti adakah mudah memahami pelajaran yang diajar oleh guru di dalam kelas, masa yang diambil untuk menguasai bacaan al-Qur'an Braille dengan baik dan kaedah yang digunakan oleh guru ketika mengajar. Manakala bahagian D soalan tentang tahap pengamalan al-Qur'an dikalangan ahli PERTIS. Soalannya berkaitan amalan membaca al-Qur'an setiap hari, waktu membaca al-Qur'an, di rumah atau di tempat kerja dan sebagainya.

1.10.6 Metode Analisis Data

Setelah memperolehi data dan maklumat secara menyeluruh melalui kaedah-kaedah yang telah dinyatakan sebelum ini, seterusnya data yang terkumpul akan dianalisis dengan menggunakan metode-metode yang tertentu. Data-data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan program SPSS atau *Statistical Package For Social Sciences Windows* versi 12.0. Penganalisan data ini melibatkan penggunaan statistik deskriptif untuk memerihalkan demografi dan tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an di kalangan ahli PERTIS. Selain itu, statistik inferens digunakan untuk menguji hipotesis kajian melalui ujian ANOVA sehala bagi mengenalpasti ciri-ciri subjek kajian. Aras pengujian hipotesis yang digunakan dalam kajian ini ialah alfa 0.05 (95 peratus aras keyakinan).

Data hasil temubual dan bahan bercetak akan dianalisa secara deskriptif. Data-data kajian yang melibatkan catatan dan rakaman semasa temubual melalui proses

transkripsi di mana perbualan ditukar ke dalam bentuk perkataan atau dokumentasi. Dokumen ini di baca berulang kali untuk mendapatkan kefahaman dan data yang tidak berkaitan telah dibuang. Data kemudian dikategori mengikut sub tema dan akhir sekali kategori dan sub kategori didefinisikan semula berdasarkan kaedah-kaedah tertentu.

1.11 SISTEMATIKA PENULISAN

Pengkaji telah membahagikan kajian ini kepada lima bab yang utama bagi menghasilkan sebuah kajian ilmiah yang sempurna. Dalam bab yang pertama pengkaji menumpukan kepada pengenalan bagi kajian ini iaitu topik utamanya berkaitan latar belakang kajian iaitu pengajian al-Qur'an di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS). Antaranya pengkaji telah menghuraikan berkaitan dengan:

- Latar belakang masalah kajian
- Kepentingan kajian
- Pengertian tajuk
- Masalah kajian
- Objektif kajian
- Skop kajian
- Hipotesis kajian
- Ulasan penulisan
- Metodologi penyelidikan
- Sistematika penulisan

Seterusnya dalam bab yang kedua pengkaji menumpukan kepada latar belakang tempat kajian atau sejarah Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) yang beribu pejabat di Taman Sri Setapak, Jalan Gombak Kuala Lumpur.

Pengkaji telah membahagiakan kepada tajuk-tajuk kecil seperti berikut:

- Sejarah penubuhan dan perkembangan PERTIS
- Matlamat dan objektif penubuhan PERTIS
- Keahlian persatuan
- Logo PERTIS
- Sumber kewangan PERTIS
- Pentadbiran dan pengurusan PERTIS
- Struktur organisasi PERTIS
- Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PERTIS
- Perkhidmatan yang disediakan
- Perancangan di masa akan datang

Manakala di dalam bab yang ketiga pula, pengkaji memfokuskan kepada laporan penyelidikan. Dalam bahagian ini pengkaji telah menggunakan kaedah soal selidik dan temubual bagi mengumpulkan data dan maklumat penting. Antara maklumat yang dikumpulkan adalah berkaitan:

- Latar belakang responden
- Pengajian dan pengajaran al-Qur'an di PERTIS
- Metode yang digunakan dalam pengajian al-Qur'an di PERTIS
- Masalah-masalah yang dihadapi dalam pengajian al-Qur'an

Dalam bab yang keempat pengkaji membuat analisis terhadap data-data yang telah dikumpulkan berdasarkan maklumat yang telah diperolehi melalui borang soal selidik dan temubual yang telah dilakukan terhadap responden. Pengkaji telah menganalisis berkaitan:

- Analisis profil demografi responden yang terlibat dalam kelas pangajian al-Qur'an yang dijalankan.
- Analisis tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an di kalangan ahli PERTIS

Dalam bab yang terakhir iaitu bab yang kelima pengkaji telah membuat kesimpulan dan rumusan berkaitan kajian ini. Pengkaji juga telah memberi beberapa saranan dan cadangan yang wajar diambil oleh pihak-pihak tertentu seterusnya menyatakan harapan pengkaji terhadap kajian yang dilakukan ini.

BAB 2

SEJARAH PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN PERTIS

2.1 PENGENALAN

Pelbagai persatuan telah ditubuhkan bagi membantu orang kurang upaya atau OKU untuk memudahkan mereka menjalani kehidupan seharian termasuklah menghulurkan bantuan dari segi ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Golongan cacat penglihatan yang beragama Islam juga mempunyai persatuan khas yang dikenali sebagai Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia atau PERTIS. PERTIS adalah sebuah persatuan yang berdaftar secara rasmi dengan Pendaftar Pertubuhan. Tujuan utama PERTIS ditubuhkan adalah untuk membantu golongan cacat penglihatan yang beragama Islam menimba ilmu serta menjaga kebajikan dan persaudaraan sesama warga cacat penglihatan. Selain itu juga, PERTIS adalah sebuah pertubuhan di peringkat nasional di mana ia mempunyai cawangan di beberapa buah negeri di Malaysia.

Setelah 14 tahun ia ditubuhkan banyak peningkatan yang dapat dilihat di dalam persatuan ini. PERTIS juga sentiasa berusaha dengan lebih gigih lagi ke arah membangunkan masyarakat istimewa golongan cacat penglihatan Islam di dalam menyediakan keperluan pendidikan, kebajikan, bantuan dan pembangunan insan. Banyak aktiviti-aktiviti yang dianjurkan memberi manfaat yang berguna kepada para ahli dan seterusnya dapat meningkatkan lagi ilmu agama untuk bekalan mereka di dunia dan akhirat. Dalam bab ini penyelidik akan memfokuskan kepada sejarah penubuhan PERTIS dan latar belakang persatuan ini termasuklah aktiviti-aktiviti yang dijalankan

agar dapat mengenali dengan lebih dekat lagi berkenaan persatuan ini. Selain itu, penyelidik juga menghuraikan berkaitan definisi, tanda-tanda dan perkhidmatan yang disediakan untuk golongan cacat penglihatan.

2.2 SEJARAH PENUBUHAN PERTIS

PERTIS merupakan sebuah persatuan berdaftar yang ditubuhkan secara rasmi pada 26 April 1996. PERTIS adalah singkatan daripada Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia adalah satu-satunya pertubuhan diperingkat kebangsaan khusus untuk memberi perkhidmatan kepada golongan cacat penglihatan beragama Islam. Selain itu, ia menjadi platform bagi golongan cacat penglihatan Islam di Malaysia untuk mencapai misi bagi menjalankan usaha-usaha ke arah memajukan serta menjadikan orang kurang upaya di negara ini duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan golongan normal yang lain setanding dengan mereka.²³

Persatuan ini ditubuhkan oleh sekumpulan orang cacat penglihatan demi untuk membantu rakan-rakan yang senasib dengan mereka yang beragama Islam. Idea ini tercetus pada tahun 1980-an. Ketika itu ramai orang cacat penglihatan khususnya kaum mualaf yang tidak terbela nasib mereka. Manakala pada tahun 1988, Mah Hassan yang baru menamatkan pengajian di Universiti Malaya diminta untuk membantu merangka undang-undang tubuh persatuan ini bagi tujuan pendaftaran di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. Pada tahun berikutnya, persatuan ini didaftarkan dan pada peringkat awalnya persatuan ini dikenali sebagai Persatuan Tunanetera Islam Semenanjung Malaysia. Menurut beliau juga perkataan ‘Tunanetera’ dipilih pada waktu

²³ Temubual dengan Encik Zamzuri bin Ghani, Bendahari PERTIS pada 8 Ogos 2006 pukul 1.30 tengahari di Pejabat PERTIS di No. 134-1, Tingkat 1, Taman Seri Setapak, KM 4, Jalan Gombak, Kuala Lumpur.

itu adalah kerana pada ketika itu perkataan buta dilihat agak kasar dan tidak dipersetujui oleh golongan cacat penglihatan. Pada akhir tahun 1995, perkataan tersebut digugurkan apabila didapati perkataan tersebut menyukarkan pergerakan persatuan ini kerana ia tidak difahami oleh sesetengah pihak. Selepas itu nama persatuan ini terus ditukar kepada PERTIS.²⁴

PERTIS adalah bertaraf Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (Islamic Non-Governmental Organization) dan berteras organisasi sukarela. Ilham untuk menubuhkan persatuan ini adalah atas inisiatif orang cacat penglihatan sendiri yang beragama Islam. Seterusnya, usaha diambil bagi mendaftarkan persatuan ini dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS). Persatuan yang seratus peratus berorientasi agama Islam sebagai dasar perjuangan dan aspirasi penubuhannya ini terus berkembang dan pelbagai promosi diadakan bagi menambahkan keahlian.²⁵

Namun begitu perintah supaya dibubarkan persatuan ini oleh ROS menyebabkan persatuan ini telah dibatalkan pendaftarannya pada tahun 1996. Lantas usaha dibuat untuk mendaftar semula persatuan. Selepas pendaftaran diluluskan persatuan ini dikenali sebagai Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia atau ringkasnya PERTIS. Iktibar dari tragedi hitam ini adalah berakar umbikan semangat, komitmen dan tekad padu yang berkonkrit di dalam jiwa semua AJK dan juga ahli untuk sama-sama memajukan PERTIS di segenap aspek.²⁶

²⁴ Noorzila Jamaludin (2002), *Majalah al-Islam, PERTIS Bantu Tingkatkan Ilmu Dan Iman*, Kuala Lumpur: , hlm. 38.

²⁵ Kertas Kerja Program Penerangan Aktiviti dan Promosi PERTIS melalui Media Elektronik dengan Kerjasama Radio Penerangan Malaysia (Radio 8) yang disediakan oleh Biro Tugas Khas dan Hal Ehwal Luar PERTIS, hlm. 1.

²⁶ *Ibid.*

Pada peringkat awal penubuhannya, rumah-rumah ahli persatuan telah dijadikan markas untuk menjalankan pelbagai aktiviti persatuan. Hal ini kerana pada masa tersebut kewangan persatuan masih belum mencukupi untuk menampung kos penyewaan. Namun setelah kewangan mulai stabil dan kukuh, sebuah bilik telah disewa untuk dijadikan pusat bagi segala aktiviti persatuan. Persatuan ini kemudiannya dikembangkan ke beberapa buah negeri lain seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan dan Perlis demi untuk membantu golongan cacat penglihatan yang terdapat di negeri-negeri tersebut terutamanya dalam aspek keagamaan dan sosio ekonomi.²⁷

Pada hari ini juga PERTIS telah menyewa sebuah dewan yang terletak di Kompleks MAB, Brickfield bagi menjalankan aktiviti-aktiviti mereka seperti Kelas Pengajian Al-Qur'an dan Kelas Pengajian Jawi Braille yang diadakan pada setiap hujung minggu. Walaupun PERTIS masih belum mampu untuk memiliki bangunan pentadbirannya sendiri, namun setelah empat belas tahun penubuhan semula, PERTIS telah banyak mencapai kemajuan dari pelbagai aspek iaitu melalui program-program yang dianjurkan oleh mereka. Ibu pejabat PERTIS terletak di No. 134-1, Tingkat 1, Taman Seri Setapak, KM 4, Jalan Gombak yang disewa dengan RM 700 sebulan.²⁸ Pada tahun 2008 ibu pejabat PERTIS telah berpindah ke 32A, Tingkat 1, Medan Idaman, Jalan Jernai, 6/21 D 53100 Gombak Kuala Lumpur dan disewa dengan RM1000 sebulan.

²⁷ Temubual dengan Encik Zamzuri bin Ghani, Bendahari PERTIS pada 8 Ogos 2006 pukul 1.30 tengahari di Pejabat PERTIS di No. 134-1, Tingkat 1, Taman Seri Setapak, KM 4, Jalan Gombak, Kuala Lumpur.

²⁸ *Ibid.*

2.3 MATLAMAT DAN OBJEKTIF PENUBUHAN PERTIS

PERTIS merupakan sebuah persatuan berdaftar yang ditubuhkan khas bagi orang-orang cacat penglihatan yang beragama Islam bagi membantu mereka menjalankan pelbagai aktiviti sepertimana golongan celik yang lain. Persatuan ini ditubuhkan dengan pelbagai matlamat dan objektif yang ingin dicapai bagi membantu golongan yang kurang bernasib baik ini. Di antara objektif penubuhan persatuan ini ialah:

- 1) Meningkatkan taraf kehidupan golongan cacat penglihatan ke arah kecemerlangan dari pelbagai aspek termasuklah keilmuan, pendidikan, sosial, ekonomi, pekerjaan dan sebagainya selari dengan tuntutan syariat Islam dalam menempuh cabaran globalisasi.
- 2) Memupuk dan mengeratkan tali persaudaraan di kalangan ahli-ahli serta lain-lain OKU Penglihatan yang beragama Islam tanpa mengira lapisan usia, keturunan, warna kulit dan sebagainya.²⁹
- 3) Menganjur dan menggalakkan pelbagai aktiviti yang berbentuk kerohanian dan kegiatan-kegiatan dakwah bagi faedah dan manfaat OKU Penglihatan Islam.
- 4) Meningkatkan taraf pendidikan di kalangan OKU Penglihatan Islam dalam pelbagai bidang ilmu sejajar dengan perkembangan era informasi dan teknologi maklumat yang semakin maju tanpa meninggalkan aspek keilmuan yang

²⁹ Kertas Kerja Program Penerangan Aktiviti dan Promosi PERTIS melalui Media Elektronik dengan Kerjasama Radio Penerangan Malaysia (Radio 8) yang disediakan oleh Biro Tugas Khas dan Hal Ehwal Luar PERTIS, hlm. 2.

bercorak spiritual untuk kemantapan rohani agar mampu menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan hidup menerusi aktiviti berkonsep ilmiah yang dikendalikan seperti ceramah, kelas, seminar, kursus dan bengkel yang dianjurkan.

- 5) Memberi pendedahan, galakan dan penerokaan peluang-peluang ekonomi yang boleh mendatangkan hasil dan memberi faedah demi kepentingan OKU Penglihatan Islam. Bagi tujuan ini, pelbagai program peningkatan ekonomi telah dan akan terus dilaksanakan.³⁰
- 6) Menyelenggara dan menyelaras semua kegiatan atau program yang bertujuan membela serta bertanggungjawab atas kebajikan OKU Penglihatan Islam.
- 7) Menyalur, menyelaras dan menyelia semua bantuan atau sumbangan daripada individu atau badan kerajaan dan swasta kepada OKU Penglihatan Islam. Hal ini penting untuk memastikan semua golongan cacat penglihatan mendapat agihan bantuan sewajarnya yang diberikan oleh pihak-pihak tertentu.³¹
- 8) Memberi peluang kepada golongan cacat penglihatan untuk melibatkan diri di dalam apa-apa aktiviti yang dianjurkan dan akan memberi banyak faedah kepada golongan ini dan sebagai bekalan hidup mereka serta supaya mereka dapat bersaing dengan golongan yang normal di samping dapat mengisi masa yang terluang dengan pelbagai aktiviti yang berfaedah.

³⁰ *Ibid.*

³¹ *Ibid.*

- 9) Segala kegiatan yang bercorak keagamaan hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Jabatan Agama Islam atau badan-badan yang berkaitan untuk mendapatkan nasihat, persetujuan dan kebenaran.

2.4 KEAHLIAN PERTIS

PERTIS mempunyai bilangan ahli yang ramai dan terdiri daripada OKU Penglihatan iaitu ahli majoriti dan bukan OKU Penglihatan. Jumlah terkini ahli PERTIS ialah seramai 742 orang yang terdiri daripada ahli biasa, ahli bersekutu dan ahli tanggungan. Manakala seramai 22 orang telah berdaftar sebagai Ahli Seumur Hidup.³²

Antara yuran yang dikenakan adalah seperti berikut:

- a) Ahli Biasa- Terbuka kepada semua OKU Penglihatan Islam, warganegara Malaysia dan berumur 15 tahun ke atas. Yuran tahunan adalah sebanyak RM 6.00 setahun.
- b) Ahli Bersekutu- Bukan OKU Penglihatan, warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas. Yuran tahunan adalah sebanyak RM 3.00 setahun.
- c) Ahli Tanggungan- Keistimewaan ini diperuntukkan kepada isteri dan anak ahli persatuan. Yuran tahunan adalah sebanyak RM 1.00 sahaja.
- d) Sementara itu, status Ahli Seumur Hidup pula diberikan kepada para ahli yang menjelaskan yuran RM 50.00, dengan syarat, keahlian telah mencapai satu tahun

³² Temubual dengan Encik Zamzuri bin Ghani, Bendahari PERTIS pada 8 Ogos 2006 pukul 1.30 tengahari di Pejabat PERTIS di No. 134-1, Tingkat 1, Taman Seri Setapak, KM 4, Jalan Gombak, Kuala Lumpur.

atau melangsaikan segala hutang tertunggak yuran tahunan. Antara keistimewaan Ahli Seumur Hidup ini adalah tidak perlu membayar yuran keahlian buat selamanya, layak mendapat kad keahlian serta diberi keutamaan menghadiri aktiviti yang memerlukan penyertaan minimum.³³

2.5 LOGO PERTIS



Logo persatuan ini adalah berbentuk sebuah bulatan besar berlatarkan warna putih yang melambangkan bulan dan di dalamnya tertera nama Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia. Ia melingkungi bulan sabit yang berlatarkan warna hijau yang melambangkan simbol agama Islam, manakala di dalamnya terdapat gambar mata manusia yang juga berlatarkan warna putih yang menggambarkan bahawa ahli-ahli persatuan ini terdiri daripada kalangan cacat pancaindera mata. Manakala biji mata

³³ Kertas Kerja Program Penerangan Aktiviti dan Promosi PERTIS melalui Media Elektronik dengan Kerjasama Radio Penerangan Malaysia (Radio 8) yang disediakan oleh Biro Tugas Khas dan Hal Ehwal Luar PERTIS, hlm. 3.

pula berwarna hijau melambangkan kaabah yang menjadi kiblat kepada umat Islam sama yang cacat penglihatan atau manusia yang sempurna penglihatannya.

Persatuan ini merupakan satu-satunya pertubuhan Islam bagi golongan cacat penglihatan di peringkat kebangsaan serta merupakan platform bagi golongan tersebut mendapat pembelaan dan manfaat dari aktiviti-aktiviti yang dianjurkan seterusnya memberi peluang kepada golongan ini untuk terus bersaing dengan insan yang sempurna.

2.6 SUMBER KEWANGAN PERTIS

PERTIS merupakan sebuah persatuan yang ditubuhkan oleh OKU Penglihatan dan setiap gerak kerja atau aktiviti yang dijalankan memerlukan bantuan dari pihak lain terutamanya dari segi kewangan. Sumber kewangan utama atau dana yang diperolehi oleh pihak PERTIS adalah berpunca daripada sumbangan agensi-agensi kerajaan, badan-badan korporat, hasil kutipan derma dari orang ramai dan insan yang prihatin terhadap golongan yang tidak bernasib baik ini.³⁴ Di antara sumbangan dana yang diperolehi adalah dari pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI), Pusat Zakat, Baitulmal Wilayah Persekutuan dan lain-lain lagi. Hasil sumbangan ini akan digunakan oleh pihak PERTIS untuk kegunaan persatuan seperti menjalankan aktiviti atau program yang dianjurkan oleh persatuan dan sebagainya yang dapat meningkatkan lagi kefahaman dan seterusnya membantu golongan cacat penglihatan ini terutamanya bagi menambahkan lagi ilmu agama sebagai bekalan hidup mereka di dunia dan di akhirat.

³⁴ Noorzila Jamaludin (2002), *Majalah al-Islam, PERTIS Bantu Tingkatkan Ilmu Dan Iman*, Selangor: Utusan Karya Sdn. Bhd , hlm. 41.

Selain itu, pihak PERTIS juga menambahkan sumber kewangan mereka dengan melakukan aktiviti penerbitan. Mereka juga menjual hasil penerbitan seperti al-Qur'an Braille, buku-buku agama yang dicetak dalam tulisan Braille dan lain-lain sebagai salah satu aktiviti yang mendatangkan hasil dan sumber pendapatan untuk manfaat mereka semua.³⁵ Ini menunjukkan bahawa golongan cacat penglihatan juga berkemampuan untuk bersaing dengan golongan yang sempurna jika diberi pendedahan dan ilmu yang sewajarnya.

2.7 PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN PERTIS

PERTIS ditadbir sepenuhnya oleh OKU Penglihatan yang dikenali sebagai Ahli Jawatankuasa Pusat (JKP). Jawatankuasa Pusat bertanggungjawab menggubal dasar semasa PERTIS dan membuat keputusan berkaitan hal ehwal perjalanan persatuan ini. Yang Dipertua yang pertama dilantik ialah Encik Mah Hassan bin Haji Omar. Namun begitu tempoh perkhidmatan adalah berbeza di antara satu jawatan dengan jawatan yang lain. Contohnya jawatan utama iaitu Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua, Setiausaha Agung dan Bendahari Kehormat berkhidmat selama dua tahun. Manakala tiga orang AJK Pusat Biasa pula berkhidmat selama setahun sahaja. Walau bagaimanapun, usaha dan tindakan penyelarasan tempoh perkhidmatan sedang diambil iaitu menerusi pindaan perlembagaan persatuan. Selain dari itu, pentadbiran PERTIS pusat juga turut dibantu dan diperteguhkan lagi oleh dua orang kakitangan tetap, dua orang kakitangan sambilan

³⁵ Temubual dengan Encik Zamzuri bin Ghani, Bendahari PERTIS pada 8 Ogos 2006 pukul 1.30 tengahari di Pejabat PERTIS di No. 134-1, Tingkat 1, Taman Seri Setapak, KM 4, Jalan Gombak, Kuala Lumpur.

dan seorang kakitangan kontrak iaitu jawatan sebagai kerani, pekerja dibahagian penerbitan dan pencuci pejabat.³⁶

Bagi peringkat PERTIS Pusat sendiri, biro-biro telah dibentuk bagi melicinkan lagi pengurusan PERTIS dan program-program yang dianjurkan supaya dapat berjalan dengan lancar dan teratur. Mereka juga adalah bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan segala program dan aktiviti persatuan. Menerusi rombakan dan penstrukturan semula biro selepas Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-11 yang diadakan pada 4 Jun 2006 yang lalu jelas menunjukkan bahawa tanggungjawab dan fungsi biro-biro meliputi serta memfokus kepada semua peringkat ahli.³⁷ Di antara biro-biro yang telah ditubuhkan ialah:

- 1) Biro Tugas Khas dan Hal Ehwal Luar PERTIS
- 2) Biro Penerbitan PERTIS
- 3) Biro Hal Ehwal PERTIS
- 4) Biro Kewangan dan Ekonomi PERTIS
- 5) Biro Pendidikan dan Dakwah PERTIS
- 6) Biro Kebajikan dan Hal Ehwal Kemasyarakatan PERTIS
- 7) Biro Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesenian PERTIS³⁸

Di antara biro yang diwujudkan ialah Biro Pendidikan dan Dakwah (BP&D) bertujuan bagi mendokong, menyokong serta menjadi tunjang dalam operasi persatuan.

³⁶ Kertas Kerja Program Penerangan Aktiviti dan Promosi PERTIS melalui Media Elektronik dengan Kerjasama Radio Penerangan Malaysia (Radio 8) yang disediakan oleh Biro Tugas Khas dan Hal Ehwal Luar PERTIS, hlm. 3.

³⁷ *Ibid.*

³⁸ *Ibid.*

Biro ini juga dikatakan adalah antara biro yang paling sibuk dalam PERTIS. Fungsi utamanya sebagai saluran penyediaan aplikasi pendidikan dan dakwah kepada ahli-ahli PERTIS khasnya dan bukan ahli amnya.³⁹ Antara fungsi dan tanggungjawab biro ini selain dari menghadiri mesyuarat-mesyuarat persatuan dan penyediaan laporan ialah:

- a) Membuat perancangan aktiviti tahunan (kalendar aktiviti) dan anggaran perbelanjaan aktiviti biro.
- b) Merancang dan menganjurkan program dan aktiviti yang menjurus ke arah pendidikan serta perkembangan dakwah dikalangan ahli-ahli persatuan seperti ceramah, forum, seminar, kursus, bengkel dan sebagainya. Selain tarbiyah yang seratus peratus beridentifikasi agama Islam, penyaluran ilmu turut mencakupi hal ehwal semasa seperti pendidikan kepenggunaan Islam, hibah, wasiat dan sebagainya.⁴⁰
- c) Penyelaras dan penghubung antara BP&D dengan bahagian dakwah jabatan-jabatan kerajaan seperti JAKIM, JAWI dan lain-lain bagi pengelolaan aktiviti secara bersama dan perolehan dana untuk penganjuran aktiviti biro. Ini termasuklah kursus penyelenggaraan jenazah, perkhemahan ibadat, kursus imam dan bilal atau seumpamanya.
- d) Mengendalikan program berbuka puasa dan majlis sambutan hari raya peringkat PERTIS pusat.

³⁹ *Ibid.*, hlm. 5

⁴⁰ *Ibid.*

- e) Mengelolakan pertandingan-pertandingan yang selaras dengan fungsi dan tanggungjawab biro seperti Tilawah Al-Qur'an, Pertandingan Azan, Peraduan Membaca Khutbah Jumaat, Kuiz Agama dan sebagainya.
- f) Menyelia perjalanan kelas-kelas anjuran persatuan seperti Kelas Mempelajari Bahasa Arab, Kelas Pengajian al-Qur'an, Tafsir Al-Qur'an, Ceramah Agama yang diadakan secara bulanan atau kuliah-kuliah mingguan/ dwimingguan dan sebagainya.
- g) Memantau pelaksanaan serta perkembangan pusat-pusat tahfiz al-Qur'an di bawah kendalian PERTIS.⁴¹

Selain itu, Biro Kebajikan dan Kesenian ditubuhkan adalah bertujuan untuk menjaga kebajikan golongan cacat penglihatan khasnya ahli-ahli persatuan. Di bawah biro ini juga diwujudkan tabung khairat kematian untuk membantu meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh waris si mati. Selain itu juga tabung ini juga berperanan untuk menyelenggara kutipan derma apabila berlaku bencana seperti kebakaran dan sebagainya. Sementara itu, Biro Kewangan dan Ekonomi pula berperanan dalam hal yang berkaitan sumber pendapatan persatuan bagi merancang untuk meningkatkan lagi taraf ekonomi serta menguruskan segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh persatuan ini supaya lebih kemas dan teratur.⁴²

⁴¹ *Ibid.*


⁴² Roshaida Yaacob (2003), *Al-Qur'an Braille, Kaedah Penerbitan Dan Sumbangannya Kepada Golongan Cacat Penglihatan: Kajian Di Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)*, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Antara biro lain yang ditubuhkan ialah Biro Pembangunan Wanita yang berperanan khusus untuk menjaga kebajikan berkaitan permasalahan kaum wanita Islam yang cacat penglihatan. Manakala Biro Penerbitan pula mempunyai peranan yang penting dalam menerbitkan al-Qur'an dan buku-buku agama dalam tulisan Braille.⁴³

2.8 STRUKTUR ORGANISASI PERTIS

Struktur organisasi PERTIS diterajui oleh Yang Dipertua, Naib yang Dipertua, Setiausaha Agung, Bendahari Kehormat dan AJK Pusat seramai tiga orang. Mesyuarat Agung PERTIS kali ke-14 di peringkat pusat telah diadakan pada 13 Jun 2009 lalu dan telah melantik tujuh orang bagi menyandang jawatan ini. Berikut adalah individu-individu yang telah diamanahkan bagi memegang jawatan-jawatan tersebut:

⁴³ *Ibid.*



Pengerusi PERTIS Pahang : En. Bidin bin Ali
 Pengerusi PERTIS Terengganu : En. Mohd Fauzi bin Mansur
 Pengerusi PERTIS Kelantan : En. Md Darus bin Sulaiman
 Pengerusi PERTIS Negeri Sembilan : En. Mohd Hairie bin Aris
 Pengerusi Penaja PERTIS Kedah : Cikgu Musa bin Abdul Rahman.

2.9 AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH PERTIS

Selaras dengan nama persatuan yang dengan jelas berkonsepkan Islam, pastinya program dan aktiviti yang dianjurkan cenderung kepada aspirasi ukhrawi (akhirat). Antara program yang berbentuk tarbiyah dan dakwah ialah seperti kelas Bahasa Arab, kelas Pengajian al-Qur'an dan program sempena hari kebesaran Islam seperti Ma'al Hijrah, Awal Muharram dan lain-lain lagi. Walaupun begitu, PERTIS tidak mengeneipkan program atau aktiviti yang bercorak keduniaan asalkan ianya tidak lari daripada landasan dan syariat Islam. Setiap biro yang diwujudkan di PERTIS ini mempunyai program-programnya yang tersendiri dan disusun dengan tujuan untuk membantu golongan cacat penglihatan.

Terdapat banyak aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan ini semenjak ia ditubuhkan sehinggalah ke hari ini, termasuklah berkaitan dengan isu semasa, peningkatan sendiri, program untuk meningkatkan ekonomi seperti kursus usahawan, kelas refleksologi, aktiviti-aktiviti pembangunan wanita, warga emas, saudara baru, anak-anak ahli dan sebagainya. Selain itu, PERTIS juga menjalankan aktiviti sosial untuk mendekatkan golongan cacat penglihatan ini dengan ahli masyarakat melalui aktiviti seperti lawatan ke Wad Ortopediks Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), penyembelihan lembu korban di Surau Seri Sarawak, Kuala Lumpur dan pelbagai lagi aktiviti yang dilakukan agar golongan ini tidak merasa terpinggir.⁴⁴

⁴⁴ <http://myjasa.com/pertis06/kenali.html>, 7 Disember 2006.

Antara aktiviti-aktiviti tersebut ialah:

1. Menerbitkan Al-Qur'an Braille.

PERTIS merupakan persatuan pertama di Malaysia yang menerbitkan al-Qur'an Braille. Ia juga adalah satu usaha yang ulung ke arah celik al-Qur'an bagi golongan cacat penglihatan. Al-Qur'an Braille telah disemak dan diluluskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang merangkumi 30 juzuk al-Qur'an dalam Mashaf Usmani. Ia di tulis dalam tulisan jawi Braille dan mampu difahami oleh golongan cacat penglihatan Islam di seluruh dunia. Masa yang diambil untuk memproses dan mencetak sesebuah al-Qur'an Braille adalah selama 4 jam untuk sebuah al-Qur'an.⁴⁵

Roshaida Yaacob (2003)⁴⁶ dalam kajiannya mengenai penerbitan al-Qur'an Braille menyatakan bahawa penerbitan al-Qur'an Braille memberikan makna yang besar kepada golongan cacat penglihatan terutamanya dapat memberikan gambaran sebenar susunan kalimah dan baris yang sebelumnya agak kabur kerana sebelum ini tidak wujud naskhah al-Qur'an menerusi tulisan Braille yang boleh dikesan dengan jelas melalui deria rasa atau hujung jari.

Al-Qur'an Braille telah melalui prosedur penerbitannya yang tersendiri sebelum terhasil satu naskhah al-Qur'an Braille yang lengkap. Al-Qur'an Braille yang diterbitkan menggunakan sepenuhnya Bahasa Arab manakala tulisan Brailinya memenuhi piawaian antarabangsa.

⁴⁵ <http://myjasa.com/pertis06/kenali.html>, 7 Disember 2006.

⁴⁶ Roshaida Yaacob (2003), *Al-Qur'an Braille, Kaedah Penerbitan Dan Sumbangannya Kepada Golongan Cacat Penglihatan: Kajian Di Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)*, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Penerbitan al-Qur'an Braille adalah rangkaian jalinan kerjasama erat di antara Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Baitulmal Wilayah Persekutuan. Lujnah al-Qur'an Jawatankuasa Penyemakan di JAKIM akan melakukan semakan bagi memastikan tidak terdapat kesilapan di dalam penyusunan ayat-ayat al-Qur'an, huruf-huruf, tanda-tanda bacaan dan sebagainya. Prosedur paling penting bagi menghasilkan al-Qur'an tulisan Braille yang sahih dan tepat adalah mendapatkan kelulusan penerbitan daripada Kementerian Dalam Negeri.

2) Menganjurkan Kelas Pengajian Jawi Braille

PERTIS juga telah menganjurkan kelas pengajian jawi Braille untuk ahli-ahli PERTIS. Ia diadakan pada setiap hari Sabtu jam 3.00 petang bertempat di bilik Mesyuarat, Tingkat 2, Kompleks MAB, Brickfields. Ia merupakan satu usaha ke arah memantapkan penguasaan jawi Braille seterusnya meningkatkan lagi kemahiran dan nilai pembacaan al-Qur'an.

3) Menyediakan Pendidikan Tahfiz + ICT + Komunikasi Dakwah.

Satu program yang dinamakan 'International Neuro Linguistic Programme (INLP) For The Blind. Program ini juga menggabungkan Scientific Tahfiz, ICT dan Komunikasi berkesan (Bahasa Inggeris). Objektif program ini ialah untuk melahirkan *huffaz* dan graduan mahir dalam bidang yang dipelajari termasuk kepakaran dalam bidang IT di samping memperolehi nilai-nilai kepimpinan seperti berdikari, mempunyai jati diri, berketerampilan dan keupayaan komunikasi yang berkesan.

4) Menganjurkan Kelas Pengajian Bahasa Arab

Selain daripada kelas pengajian al-Qur'an, pengajian jawi Braille, PERTIS juga mengadakan kelas pengajian Bahasa Arab untuk membantu ahli-ahlinya dalam menguasai Bahasa Arab. Usaha ke arah penguasaan bahasa al-Qur'an tersebut adalah untuk mewujudkan ruh Islam dalam pengajian al-Qur'an dan bidang keilmuan Islam lainnya.

5) Menganjurkan Kelas Pengajian Al-Qur'an

Kelas pengajian al-Qur'an telah di adakan pada setiap hujung minggu iaitu pada hari Sabtu jam 3.00 hingga 4.00 petang bagi orang dewasa bertempat di Kompleks MAB, Brickfield Kuala Lumpur.⁴⁷ Kelas ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari ahli-ahli PERTIS dan ia adalah satu usaha yang sangat murni bagi membantu golongan ini bagi menguasai bacaan al-Qur'an dan memahami isi kandungan al-Qur'an.

6) Menganjurkan Siri-siri Syarahan Agama Dan Keilmuan

Antara program besar yang pernah diadakan oleh pihak PERTIS ialah menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah, Kursus Pra Perkahwinan, Bengkel Solat dan pelbagai pertandingan lain untuk ahli-ahli persatuan. Sementara itu, pada 20 Ogos 2006 pula telah diadakan Perkhemahan Ibadat dengan kerjasama JAWI di Sungai Chongkak, Selangor. Antara aktiviti lain yang diadakan ialah program Titian Kasih yang berbentuk pendidikan kekeluargaan, tazkirah sempena hari kebesaran Islam dan kelas Fardhu Ain

⁴⁷ Temubual dengan Encik Zamzuri bin Ghani, Bendahari PERTIS pada 8 Ogos 2006 pukul 1.30 tengahari di Pejabat PERTIS di No. 134-1, Tingkat 1, Taman Seri Setapak, KM 4, Jalan Gombak, Kuala Lumpur.

untuk muslimat. Selain itu, biro juga sedang giat mengusahakan pembekalan naskhah al-Qur'an Braille kepada semua ahli persatuan ini.

7) Perkhidmatan Kaunseling

Perkhidmatan kaunseling juga disediakan untuk ahli-ahli PERTIS yang memerlukan bimbingan kaunseling dengan mendapat kerjasama daripada IBG Consultant iaitu sebuah firma perundingan kaunseling milik golongan intelektual cacat penglihatan.

8) Program Kemahiran Jurukecantikan

Merupakan satu program latihan kemahiran jurukecantikan dan pengurusan berkonsepkan *Islamic Saloon* kepada golongan wanita cacat penglihatan. Tujuan program ini diadakan adalah sebagai usaha awal kearah penubuhan salon kecantikan PERTIS.

2.10 PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

Selain dari aktiviti-aktiviti yang dinyatakan sebelum ini, antara perkhidmatan-perkhidmatan lain yang disediakan kepada ahli persatuan dan bukan ahli ialah dengan menerima tempahan dan percetakan al-Qur'an Braille dan lain-lain bahan bacaan agama seperti kitab, buku, risalah dan sebagainya. Selain bahan bertulisan Braille ia juga turut disediakan dalam bentuk audio seperti kaset, CD dan seumpamanya. Malahan Unit Penerbitan PERTIS turut menyediakan perkhidmatan mencetak Braille (embossing) apa sahaja bahan kepada individu dan pertubuhan dengan caj yang minimum.⁴⁸

⁴⁸ Kertas Kerja Program Penerangan Aktiviti dan Promosi PERTIS melalui Media Elektronik dengan Kerjasama Radio Penerangan Malaysia (Radio 8) yang disediakan oleh Biro Tugas Khas dan Hal Ehwal Luar PERTIS, hlm. 6

Selain itu, pihak PERTIS juga memberi khairat kematian kepada ahli-ahli yang meninggal dunia. Walaupun jumlah yang diberikan adalah kecil, namun ia cukup untuk menggambarkan keprihatinan dan simpati di atas musibah yang menimpa ke atas ahli dan menunjukkan persatuan ini sentiasa dekat dengan para ahli. Manakala kutipan derma kilat pula dilancarkan bagi kaum keluarga ahli yang meninggal dunia termasuklah mereka yang terkena bencana alam.⁴⁹

2.11 PERANCANGAN DI MASA AKAN DATANG

Pihak Pertis sentiasa merancang program-program yang berfaedah bagi membantu para ahlinya menambahkan ilmu pengetahuan dan meningkatkan lagi kefahaman mereka tentang Islam dan ilmu-ilmu keduniaan. Di antara impian dan perancangan PERTIS yang belum tercapai dan masih dalam proses ialah untuk membina Pusat Sumber dan IT, Institut Tahfiz di Sepang yang mendapat kerjasama dengan Pusat Zakat Selangor, untuk mendirikan Kompleks Pusat Latihan dan Seminar di Sungai Buloh Selangor. Oleh kerana masalah kewangan yang dihadapi oleh pemaju menyebabkan projek ini tergendala buat sementara waktu.⁵⁰

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ Temubual dengan Encik Zamzuri bin Ghani, Bendahari PERTIS pada 8 Ogos 2006 pukul 1.30 tengahari di Pejabat PERTIS di No. 134-1, Tingkat 1, Taman Seri Setapak, KM 4, Jalan Gombak, Kuala Lumpur.

BAB 3

PENGAJIAN AL-QUR'AN DALAM KALANGAN AHLI PERSATUAN ORANG-ORANG CACAT PENGLIHATAN ISLAM MALAYSIA (PERTIS) DI KUALA LUMPUR DAN KUALA TERENGGANU

3.1 PENGENALAN

Bab ini akan menghuraikan berkaitan pengajian al-Qur'an yang dijalankan di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) di Kuala Lumpur dan Kuala Terengganu. Ia melibatkan sebahagian ahli yang terdiri daripada pelbagai lingkungan umur dan tahap sosioekonomi. Kajian ini telah dijalankan di sekitar Kuala Lumpur iaitu melibatkan pengajian al-Qur'an di Kompleks MAB Brickfield dan pengajian al-Qur'an yang dijalankan di sebuah rumah sewa di Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfield. Manakala kajian yang telah dilakukan di Seberang Takir, Kuala Terengganu pula telah dijalankan di pejabat Pertis dan kelas pengajian ini telah dihadiri oleh ahli Pertis dari pelbagai lapisan umur.

Dalam kajian ini pengkaji telah melakukan sesi temuramah ke atas sebahagian ahli PERTIS yang memasuki kelas pengajian al-Qur'an di ketiga-tiga tempat tersebut bagi mendapatkan maklumat berkaitan maklumat diri responden serta informasi berkaitan pengajian al-Qur'an merangkumi metode pengajian dan masalah yang dihadapi. Melalui borang soal selidik pula adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan, tahap kefahaman dan pengamalan al-Qur'an mereka dalam kehidupan seharian. Pengkaji juga melakukan sesi temuramah dengan tiga orang guru yang mengajar kelas pengajian al-Qur'an tersebut. Hasil dari temuramah yang dijalankan pengkaji dapat

mengumpulkan maklumat berkaitan pengajian yang dijalankan seterusnya dapat mengetahui kejayaan yang telah dicapai oleh pihak PERTIS setakat ini dalam pengajian al-Qur'an.

Selain itu, pengkaji juga telah melakukan ujian ke atas bacaan al-Qur'an mereka dengan mendengar bacaan dari sebahagian mereka bagi mengetahui sejauhmana tahap kebolehan dalam membaca kitab suci al-Qur'an. Data yang telah dikumpulkan akan di analisis bagi menghasilkan penemuan dan seterusnya bagi menjawab setiap persoalan kajian ini.

3.2 LATAR BELAKANG RESPONDEN

Berdasarkan maklumat yang telah dikumpul melalui hasil temuramah yang telah dijalankan oleh pengkaji, kebanyakan ahli yang menyertai pengajian al-Qur'an yang dianjurkan oleh pihak PERTIS mempunyai latar belakang yang berlainan dari segi umur, pekerjaan dan taraf pendidikan. Pengkaji telah melakukan temuramah ke atas 35 ahli PERTIS yang mengikuti pengajian al-Qur'an ini dan terdiri dari 15 orang pelajar lelaki dan 20 orang pelajar perempuan. Hasil yang diperolehi secara purata responden yang terlibat dalam kajian ini berada dalam lingkungan umur 20 hingga 60 tahun dan belum berkahwin. Tempat asal mereka juga berlainan iaitu berasal dari pelbagai negeri dari seluruh Malaysia antaranya Perak, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor.

Dari maklumat yang dikumpul oleh pengkaji, responden yang mengikuti pengajian yang diadakan di Kompleks MAB Brickfield dan di Jalan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur semuanya telah bekerja dan mempunyai hasil pendapatan sendiri. Pendapatan yang diperolehi dalam lingkungan RM600 hingga RM1600

sebulan. Kebanyakan daripada mereka bekerja sebagai tukang urut dan operator telefon di premis swasta. Terdapat seorang responden yang bekerja sebagai guru. Manakala responden yang terdapat di Kuala Terengganu pula bekerja sebagai tukang urut refleksi dan ramai juga dari kalangan pelajar perempuan yang tidak bekerja. Pendapatan yang diperolehi agak kurang berbanding ahli PERTIS yang bekerja di Kuala Lumpur dan tidak menentu bergantung kepada pelanggan yang datang. Secara puratanya pendapatan mereka antara RM200 sehingga RM300 sebulan. Seorang dari responden yang ditemubual bekerja sebagai peniaga dan memperolehi pendapatan RM1000 sebulan.

Manakala taraf pendidikan responden yang terlibat dalam kajian ini secara keseluruhannya responden yang berada di Kuala Lumpur berpendidikan tinggi sehingga peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Sebahagian besar dari mereka mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Princess Elizabeth, Johor Bahru dan meneruskan pengajian di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Setapak, Kuala Lumpur. Selepas tamat pengajian di peringkat menengah kebanyakan mereka mencari pekerjaan di Kuala Lumpur atau bekerja secara sambilan. Hasil pendapatan yang diperolehi akan digunakan untuk menyara kehidupan mereka serta lebih wang digunakan untuk menghantar kepada ibubapa mereka di kampung. Selain itu, mereka juga telah menyewa rumah di bandaraya Kuala Lumpur bersama rakan-rakan dan menjalani kehidupan seperti orang normal yang lain.

Berbanding responden yang mengikuti pengajian di Kuala Terengganu, hampir keseluruhan dari mereka mendapat pendidikan setakat tahun 6 dan tidak meneruskan pengajian di peringkat menengah. Ini membataskan peluang mereka untuk mencari pekerjaan yang lebih baik demi masa depan yang cemerlang.

Hasil dari sesi temuramah yang dijalankan mendapati responden yang terlibat telah mengalami masalah penglihatan sejak dilahirkan lagi dan kebanyakan responden mendapat cacat penglihatan katika berumur 4 tahun dan 10 tahun akibat demam panas dan pelbagai masalah lain.

3.3 PENGAJIAN DAN PENGAJARAN AL-QUR'AN DI PERTIS

Kelas pengajian Al-Quran yang telah dijalankan oleh PERTIS telah mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan ahli PERTIS. Pengajian Al-Qur'an yang difokuskan dalam kajian ini tertumpu kepada tiga tempat iaitu kelas pengajian di Kompleks MAB Brickfield, kelas pengajian di sebuah rumah sewa di Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfield serta di Pejabat Pertis Seberang Takir, Kuala Terengganu.

Kelas yang diadakan di Kompleks MAB Brickfield dijalankan dua kali seminggu iaitu pada hari Sabtu dan Ahad. Kelas pada hari Sabtu bermula jam 10.00 hingga 12.00 tengahari dan pada hari Ahad pula kelas bermula pada pukul 2.30 hingga 4.30 petang. Manakala kelas yang diadakan di sebuah rumah sewa di Jalan Sultan Abdul Samad pula diadakan pada hari Ahad bermula pada pukul 9.00 pagi hingga pukul 11.00 pagi.

Kelas pengajian al-Qur'an yang telah dijalankan di Pejabat Pertis Seberang Takir, Kuala Terengganu diadakan tiga kali seminggu iaitu pada setiap hari Isnin, Selasa dan Rabu bermula pukul 10 pagi hingga 12 tengahari. Kelas ini terbahagi kepada dua kelas iaitu menempatkan pelajar yang belum menguasai Braille bagi kelas 1 dan pelajar yang telah menguasai Braille bagi kelas 2.

Cadangan untuk mewujudkan kelas pengajian al-Qur'an ini adalah idea dari pihak PERTIS yang bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar cacat penglihatan untuk menguasai bacaan al-Qur'an seterusnya memantapkan kefahaman mereka tentang ajaran al-Qur'an dan mengamalkannya dalam kehidupan harian.

Kelas pengajian al-Qur'an yang dijalankan di Kompleks MAB, Brickfield dihadiri oleh golongan yang telah dewasa dan bekerja. Mereka telah menghadiri kelas pengajian ini sejak beberapa tahun lalu dan kesemua dari mereka telah dapat menguasai tulisan Braille dengan baik. Kelas pengajian ini berjalan dengan lancar dan pelajar dapat mengikuti pelajaran yang diajar dengan baik disebabkan mereka telah mempelajari al-Qur'an Braille di peringkat sekolah rendah lagi. Berdasarkan temuramah yang dijalankan, kelas pengajian yang diadakan oleh pihak PERTIS ini mudah diikuti pengajarannya dan pelajar juga dapat menguasai isi pelajaran dengan cepat. Pelajar-pelajar ini juga memiliki al-Qur'an Braille di rumah dan ia memudahkan mereka untuk membaca al-Qur'an ketika waktu lapang sama ada di rumah atau di tempat kerja.

Menurut Encik Zakaria bin Yahya iaitu Naib Presiden PERTIS⁵¹, yang juga seorang guru di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Setapak, prestasi yang ditunjukkan oleh para pelajar yang mengikuti kelas pengajian ini amat menggalakkan dan perlu ditingkatkan lagi di masa hadapan. Pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di sini mendapat dorongan untuk membaca dan mempelajari al-Qur'an daripada guru-guru yang mengajar mereka, ibu bapa, rakan-rakan seperjuangan dan diri sendiri. Semangat yang ditunjukkan oleh para pelajar untuk mendalami al-Qur'an sangat kuat

⁵¹ Temubual bersama Naib Presiden PERTIS pada 4 Julai 2008, jam 10.30 pagi bertempat di Pejabat PERTIS 134-1 Taman Seri Setapak, KM 4 Jalan Gombak, Kuala Lumpur

dan mereka sentiasa mencari peluang untuk memperbaiki mutu bacaan al-Qur'an walaupun manghadapi pelbagai kesulitan.

Kelas pengajian di Kuala Terengganu pula mendapat sambutan yang memberangsangkan sejak mula dijalankan pada awal tahun 2007. Kelas pengajian al-Qur'an ini telah dihadiri lebih kurang 20 pelajar dari pelbagai peringkat umur dan status. Semangat yang bersungguh-sungguh ditunjukkan oleh para pelajar untuk mengenal al-Qur'an sangat dipuji walaupun telah berumur 60 tahun namun masih berminat untuk belajar membaca al-Qur'an Braille.

3.4 METODE YANG DIGUNAKAN DALAM PENGAJIAN AL-QUR'AN DI PERTIS

Untuk mendapat hasil yang baik dalam apa jua aktiviti sama ada permainan, kepimpinan, perniagaan dan sebagainya haruslah melalui langkah-langkah dan teknik yang sesuai dengannya. Begitu juga dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, ia memerlukan kaedah dan teknik yang sesuai untuk mendapat kesan dan hasil yang terbaik.⁵² Pelbagai kaedah telah diperkenalkan untuk mempelajari al-Qur'an sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi antaranya ialah kaedah talaqqi dan mushafahah, seterusnya kaedah-kaedah baru ditemui sehinggalah ke hari ini ialah kaedah Qiraati, Iqra, Hattawiyah dan Baghdadiyah.

Bagi kelas pengajian al-Qur'an yang dijalankan oleh pihak PERTIS, pelbagai metode pengajian yang sesuai telah digunakan dalam pengajian al-Qur'an yang

⁵² Mohd. Yusuf Ahmad (2000), *Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 187.

diadakan ini. Setiap ahli PERTIS akan diberi sebuah al-Qur'an Braille bagi memudahkan mereka mempelajari al-Qur'an sama ada di rumah atau di kelas pengajian al-Qur'an dan setiap pelajar mestilah menguasai tulisan Braille sebelum mereka belajar membaca al-Qur'an Braille.

Oleh kerana pelajar cacat penglihatan 'bermata di jari' penekanan terhadap kemahiran meraba di hujung jari menjadi keutamaan dan guru akan memastikan terlebih dahulu pelajar dapat mempelajari teknik menggunakan hujung jari dengan betul. Kemahiran ini lebih mudah dicapai kerana pelajar akan mengaplikasikan perkara yang sama apabila mempelajari mata pelajaran lain seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Sains dan lain-lain.

Asas Kod Braille Wasilah al-Quran adalah berdasarkan kepada enam titik timbul di mana susunannya ialah dua titik dari kiri ke kanan dan tiga titik dari atas ke bawah merupakan asas utama. Susunan titik-titik timbul dimanipulasi bagi membentuk huruf-huruf tertentu. Ini membolehkan pelajar mengenali huruf-huruf tertentu berdasarkan titik-titik tersebut bagi menggantikan huruf-huruf Hijaiyah sebagaimana yang digunakan oleh orang biasa. Oleh itu, pembacaan dimulakan daripada kiri ke kanan berbeza dengan tulisan Arab yang dibaca dari kanan ke kiri.

Walaupun pelajar ini mempunyai kecacatan penglihatan tetapi biasanya deria-deria lain adalah dalam keadaan baik. Oleh itu, mereka sangat peka kepada pendengaran, bau atau sentuhan. Dalam hal ini, deria pendengaran sangat penting bagi mereka untuk menerima maklumat. Teknik merasa di hujung jari kod-kod Braille,

menyebut, mendengar dan mengulang sebutan digunakan untuk membolehkan pelajar lebih yakin dan dapat menyebut dengan tepat serta meraba kod-kod huruf dengan betul.

Pengajaran al-Qur'an meliputi kemahiran-kemahiran berikut:

- i) membaca al-Qur'an menerusi tulisan Braille yang telah dikodkan dengan titik-titik timbul Kod Braille Wasilah Bacaan al-Qur'an
- ii) mengenal kod-kod mewakili huruf-huruf al-Qur'an
- iii) mengenal kod-kod yang mewakili baris-baris dan tanda baca di dalam tulisan al-Qur'an Braille
- iv) membaca potongan-potongan perkataan
- v) menyebut potongan ayat di dalam al-Qur'an Braille dan membaca dengan lancar dan jelas beserta hukum tajwid

Dalam kajian ini, pengajian al-Qur'an menerusi tulisan Braille merujuk kepada pengajaran al-Qur'an merangkumi kebolehan mengenal huruf, mengenal baris, menyebut potongan-potongan ayat dan seterusnya kebolehan membaca ayat-ayat al-Qur'an yang kesemuanya telah dikelaskan kepada kod-kod tertentu. Kemahiran membaca al-Qur'an Braille juga adalah terletak kepada kemahiran menggunakan deria rasa dihujung jari.

Menurut Encik Mohd Lee bin Abdullah⁵³ seorang guru al-Qur'an yang mengajar dengan menggunakan al-Qur'an Braille dalam kelas pengajian al-Qur'an yang diadakan di rumahnya di Jalan Sultan Abdul Samad ialah beliau telah memulakan kelas dengan membaca doa dan membaca surah al-Fatihah terlebih dahulu. Setiap pelajar mestilah

⁵³ Temubual bersama Encik Mohd Lee bin Abdullah pada 4 Julai 2008, jam 11.30 pagi bertempat di Pejabat PERTIS 134-1 Taman Seri Setapak, KM 4 Jalan Gombak, Kuala Lumpur

membaca doa yang telah diajar oleh guru mereka bagi mencari keberkatan sebelum memulakan kelas pengajian.

Manakala kelas yang di jalankan di Kompleks MAB telah di ajar oleh Ustaz Mohammad Zaki bin Mohamad Yusoff⁵⁴ yang juga merupakan seorang guru di Sekolah Rendah Agama Datuk Keramat. Sebelum memulakan pelajaran baru, beliau akan meminta murid mengulang semula pelajaran lepas atau membaca surah-surah yang telah di pelajari secara beramai-ramai dengan cara menghafaz surah-surah tersebut.

Setiap pelajar yang mengikuti kelas pengajian al-Qur'an di sini akan dibekalkan dengan sebuah al-Qur'an Braille setiap seorang. Pelajar-pelajar yang mengikuti kelas ini juga semuanya sudah mengenal huruf Braille dan boleh membaca Braille dengan baik. Silibus yang digunakan dalam pengajian ini juga adalah mengikut silibus guru sendiri tanpa terikat dengan silibus yang diberikan oleh pihak PERTIS. Namun begitu guru telah memulakan pengajian dengan membaca dan memberi tumpuan kepada ayat-ayat lazim terlebih dahulu sebelum membaca surah al-Baqarah. Guru juga menyelitkan ajaran akhlak, tafsir, sirah, tajwid, tauhid dan sebagainya dalam pengajian ini bagi memudahkan pelajar memahami isi kandungan al-Qur'an dengan lebih baik.

⁵⁴ Temubual bersama Encik Mohamad Zaki bin Mohamad Yusoff pada 3 Julai 2008, jam 10.30 pagi bertempat Sekolah Rendah Agama Kampong Datuk Keramat, Kuala Lumpur.

Antara kaedah-kaedah pengajaran lain yang digunakan oleh mereka dalam kelas pengajian al-Qur'an ialah:

1) Kaedah Talaqqi Musyafahah

Melalui kaedah ini guru dan pelajar akan duduk secara berhadapan dalam satu kumpulan. Guru terlebih dahulu akan memulakan bacaan dan semua pelajar akan mengikut sebutan guru. Guru dan semua pelajar menggunakan hujung jari untuk merasa titik-titik timbul yang telah dikodkan di atas al-Qur'an Braille masing-masing sambil membaca. Setelah selesai membaca dengan mengikut bacaan guru, seterusnya setiap pelajar akan membaca dengan mengikut giliran dan bacaan mereka akan didengar oleh guru dan guru akan menegur setiap kesalahan bacaan yang dilakukan.

2) Kaedah Latih Tubi

Kaedah latih tubi iaitu pelajar akan mengulangi bacaan beberapa kali secara beramai-ramai. Setiap pelajar akan mendengar bacaan rakan mereka sambil mengikut bacaan secara beramai-ramai. Pelajar juga menggunakan hujung jari mereka untuk meraba kod-kod Braille sambil membaca. Kaedah latih tubi ini berulang sehingga semua pelajar membaca al-Qur'an seorang demi seorang sambil dibimbing oleh guru.

3) Kaedah Soal Jawab

Kaedah lain yang digunakan ialah soal jawab antara guru dan pelajar. Selepas membaca al-Qur'an, guru akan membuka sesi soal jawab dan pelajar bebas untuk bertanya kepada guru berkaitan ayat yang di baca seperti hukum tajwid dan kemusykilan agama yang lain . Semua pelajar akan sama-sama merujuk ayat yang di tanya sambil hujung jari meraba huruf-huruf Braille di atas al-Qur'an. Selepas

menjawab soalan tersebut, soalan lain pula akan dikemukakan oleh pelajar sehinggalah selesai sesi tersebut.

4) Kaedah Bercerita

Kaedah bercerita digunakan oleh guru ketika menceritakan berkaitan tafsir al-Qur'an. Setelah membaca al-Qur'an, guru akan menghuraikan tentang maksud ayat yang di baca seterusnya bercerita kisah-kisah yang terdapat di dalam surah tersebut. Kaedah ini akan memudahkan pelajar memahami maksud ayat al-Qur'an dengan lebih baik dan menarik minat mereka untuk mendalami al-Qur'an.

5) Kaedah Penerangan

Guru juga menggunakan kaedah penerangan bagi menerangkan tentang sesuatu bacaan atau hukum tajwid kepada para pelajar. Guru akan meminta murid membaca ayat-ayat tertentu sambil merasa dengan hujung jari kod-kod Braille tersebut, kemudian guru meminta seorang murid untuk mengeluarkan hukum tajwid bagi ayat yang di baca. Setelah murid menyatakan hukum tajwid, guru akan menerangkan dengan lebih mendalam berkaitan hukum tajwid dan cara bacaan tersebut supaya semua murid akan memahami dan dapat membaca dengan cara yang betul. Melalui kaedah ini, pelajar dapat memperbaiki lagi bacaan al-Qur'an mereka dan seterusnya menambahkan ilmu berkaitan ilmu tajwid. Setelah itu, guru akan mengulangi bacaan al-Qur'an dengan bertajwid supaya pelajar dapat mengikut bacaan guru dengan cara yang betul.

6) Kaedah Perbincangan

Kaedah ini digunakan ketika membincangkan berkaitan ayat hukum dan hal-hal lain berkaitan bacaan al-Qur'an. Selepas sesi membaca al-Qur'an, guru akan bertanya

pelajar jika mempunyai sebarang masalah dengan tajuk yang dipelajari atau kemusykilan agama yang lain, kemudian guru dan pelajar akan sama-sama membincangkan masalah tersebut dan memberi pandangan masing-masing.

7) Kaedah Hafazan

Kaedah ini digunakan untuk menghafaz ayat-ayat lazim atau surah-surah pendek yang dipelajari. Guru akan memberi masa yang secukupnya untuk pelajar menghafaz bagi membolehkan mereka menguasai bacaan dengan baik. Sebelum menghafaz sesuatu surah, guru akan pastikan pelajar tersebut membaca dengan bertajwid dan mengikut hukum bacaan yang betul.

Bagi kelas pengajian yang dijalankan di Pejabat PERTIS, Seberang Takir Kuala Terengganu pula terbahagi kepada dua buah kelas. Kaedah yang digunakan juga adalah berbeza antara satu sama lain. Guru yang mengajar al-Qur'an di kelas tersebut ialah Ustaz Shamsudin bin Abd Wahab⁵⁵ berumur 44 tahun yang mengalami cacat penglihatan sejak berumur 2 tahun akibat demam campak.

Metode pengajian al-Qur'an yang digunakan oleh beliau juga adalah kaedah talaqqi dan musyafahah. Namun begitu guru mempelbagaikan metode pengajian mengikut tahap kebolehan pelajar. Bagi kelas satu yang menempatkan pelajar yang belum menguasai Braille, guru menekankan kepada asas mengenal huruf Braille. Guru terlebih dahulu mengajar satu persatu huruf Braille dengan menggunakan Muqaddam Rasm Uthmani tulisan Braille yang dibekalkan kepada mereka. Untuk mengenali

⁵⁵ Temubual bersama Encik Shamsudin bin Abd Wahab pada 25 Disember 2008, jam 10.30 pagi bertempat di Pejabat PERTIS Seberang Takir, Kuala Terengganu.

bentuk titik bagi huruf alif, pelajar akan menyebut huruf alif setelah guru menyebutnya sambil meraba kod Braille huruf tersebut.

Pada peringkat asas, guru terbabit akan berada di belakang murid dengan memegang jari telunjuk pelajar. Pelajar akan di ajar cara menggerakkan jari tangan kanan dari arah kiri ke kanan dengan meraba titik-titik timbul pada garis lurus. Pelajar akan diminta menyebut huruf alif, ba, ta dan seterusnya. Jari telunjuk tangan kiri berfungsi memastikan bahawa jari tangan kanan tidak ‘melompat’ garisan bacaan apabila hendak membaca pada garisan kedua dan seterusnya.

Setelah mengenal huruf-huruf asas sama seperti huruf hijaiyah, guru akan mendedahkan pula pelajar kepada tanda baris, tanda mati dan hukum tajwid. Seterusnya pelajar akan di ajar cara menggunakan mesin taip Braille. Guru akan meminta pelajar menaip huruf-huruf yang telah dipelajari sehinggalah pelajar dapat mengenal huruf Braille dengan baik dan lancar. Oleh itu, pelbagai pendekatan telah digunakan seperti menggunakan teknik mendengar, menyebut, meraba titik-titik, mengulang dan latih tubi telah diaplikasikan dalam pengajaran al-Qur’an tulisan Braille.

Bagi pelajar dalam kelas ini dibekalkan setiap seorang mesin taip Braille untuk membolehkan pelajar mengenal sendiri huruf dan seterusnya tulisan Braille dengan lebih baik. Guru memberi penerangan dan tunjuk ajar kepada pelajar cara untuk menggunakan alat tersebut dan setelah mengenal huruf, pelajar akan di uji dengan menaip huruf Braille bagi mengetahui tahap kemampuan pelajar tersebut. Pelajar yang telah lulus ujian bagi kelas satu akan dimasukkan ke dalam kelas dua.

Manakala kelas dua pula bagi pelajar yang telah mengenal huruf Braille, guru menggunakan kaedah talaqqi dan musyafahah untuk mengetahui tahap bacaan mereka. Guru akan membaca terlebih dahulu ayat-ayat al-Qur'an dengan menggunakan hujung jari sambil meraba kod-kod Braille di atas al-Qur'an. Kemudian pelajar akan mengikut bacaan guru sambil hujung jari mereka meraba huruf-huruf Braille tersebut di atas al-Qur'an masing-masing.

Selepas itu, guru meminta pelajar membaca surah mengikut bacaan di tempat masing-masing dan guru mendengar serta membetulkan bacaan pelajar. Setiap pelajar yang mengikuti kelas ini akan membaca surah mengikut tahap bacaan dan kemampuan masing-masing. Pelajar yang telah menguasai dan membaca dengan betul akan mengubah tempat bacaan dengan lebih cepat mengikut kemampuan diri. Guru yang mengajar juga meminta pelajar tersebut yang telah menguasai bacaan untuk membimbing pelajar lain bagi membantu mereka meningkatkan lagi mutu bacaan mereka menjadi lebih baik.

Silibus yang diajar bagi setiap kelas juga berbeza antara satu sama lain. Bagi pelajar di kelas satu silibus yang diajar lebih mudah kerana hanya belajar mengenal huruf dan mengeja kalimah. Pelajar yang sudah menguasai kemahiran ini akan ditukarkan ke kelas dua dan mula membaca al-Qur'an. Pelajar yang mengikuti pengajian al-Qur'an di kelas dua pula akan membaca al-Qur'an mengikut tempat masing-masing bermula dengan surah-surah lazim dan seterusnya surah al-Baqarah hinggalah khatam al-Qur'an.

Perbezaan antara kaedah yang digunakan oleh guru di dalam kelas pengajian al-Qur'an di PERTIS Kuala Lumpur dan PERTIS Kuala Terengganu ialah kaedah pengajaran al-Qur'an yang di jalankan di Kuala Lumpur adalah lebih pelbagai bersesuaian dengan tahap bacaan pelajar yang sudah menguasai bacaan Braille. Manakala pendekatan talaqqi dan musyafahah yang digunakan antara kedua negeri ini adalah sama kerana guru terlebih dahulu membaca al-Qur'an dan kemudian pelajar mengikut bacaan sambil marasa dengan hujung jari mereka kod-kod Braille tersebut. Jika terdapat kesilapan bacaan guru akan memberi teguran dan pelajar akan mengulangi bacaan sehingga betul bacaan mereka.

Kesimpulannya dengan mengikuti kelas pengajian al-Qur'an ini, pelajar dapat memantapkan lagi kefahaman agama mereka dan seterusnya dapat memperbaiki bacaan al-Qur'an mereka ke tahap lebih baik lagi. Kelas pengajian ini mestilah diberi perhatian lagi di masa akan datang supaya generasi yang bakal datang mendapat manfaat darinya dan meletakkan golongan cacat penglihatan di taraf yang lebih baik.

3.5 MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI DALAM PENGAJIAN AL-QUR'AN DI PERTIS

Setiap usaha yang dilakukan pasti menghadapi masalah atau halangan tertentu. Begitu juga dengan kelas pengajian al-Qur'an yang dijalankan oleh pihak PERTIS ini menghadapi pelbagai masalah dan memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak untuk menyelesaikannya.

Antara masalah yang dihadapi oleh pelajar ialah bagi pelajar yang mendapat cacat penglihatan disebabkan oleh kemalangan atau secara tiba-tiba, mereka tiada asas

Braille dan terpaksa mempelajari tulisan Braille dari awal. Ini akan menyukarkan mereka untuk menguasai Braille kerana mereka belum pernah mempelajari asas Braille serta memerlukan semangat yang kuat untuk menguasainya.

Selain itu, masalah pencapaian pelajar bagi penggunaan al-Qur'an Braille pada peringkat awal untuk kelas satu agak sukar untuk menguasai kerana mereka belum mahir untuk mengenali kod huruf al-Qur'an tulisan Braille. Ini kerana kebanyakan pelajar yang belajar di kelas satu di Pejabat PERTIS Kuala Terengganu adalah dari golongan yang telah berusia iaitu antara umur 40 tahun hingga 60 tahun. Peningkatan dan penguasaan mereka terhadap al-Qur'an Braille akan meningkat setelah mendapat pendedahan asas selama setahun atau lebih.

Masalah lain ialah keadaan tempat belajar yang kurang selesa ketika mengikuti kelas pengajian di Kompleks MAB, Brickfield. Kelas pengajian yang diadakan pada setiap hari Sabtu dan Ahad ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari ahli PERTIS tetapi berdasarkan temuramah yang dijalankan hampir keseluruhan pelajar yang mengikuti pengajian di sini mengadu bahawa tempat mereka belajar kurang selesa dan perlu diberi perhatian oleh pihak PERTIS. Kelas pengajian al-Qur'an ini telah dijalankan di sebuah surau tanpa peralatan yang lengkap. Oleh yang demikian, masalah ini perlu diatasi dengan segera supaya para pelajar dapat mengikuti kelas pengajian al-Qur'an dengan selesa dan lebih bersemangat.

Masalah lain yang dihadapi ialah kurangnya tumpuan yang berikan oleh pelajar sepanjang mengikuti kelas pengajian ini. Masalah ini telah dikemukakan oleh guru yang

mengajar kelas ini iaitu Encik Mohamad Zaki bin Mohamad Yusoff⁵⁶ dan secara puratanya hanya 60% sahaja penumpuan yang diberikan oleh pelajar ketika guru mengajar. Masalah ini mungkin disebabkan oleh pelajar tersebut mempunyai komitmen lain dan terpaksa memikirkannya sehingga mengganggu tumpuan mereka ketika belajar.

Selain itu, masalah lain yang dihadapi ialah pelajar tidak tahu arah tuju lepas menamatkan pengajian al-Qur'an atau mengkhatam al-Qur'an. Pelajar hanya diberi pengajaran asas tentang cara-cara membaca al-Qur'an Braille dengan betul dan seharusnya pihak PERTIS memikirkan cara bagaimana untuk pelajar menyambung pengajian al-Qur'an ini ke peringkat yang lebih tinggi lagi bagi pelajar yang mahir dalam membaca al-Qur'an dan telah mengkhatam al-Qur'an dengan baik.

Antara masalah lain yang dikemukakan oleh pelajar ialah masalah faktor kewangan untuk berulang alik ke tempat pengajian al-Qur'an. Masalah tambang yang semakin meningkat menambahkan lagi beban mereka untuk berulang alik setiap minggu ketika menghadiri kelas pengajian al-Qur'an. Selain itu, masalah pengangkutan awam seperti bas yang lambat juga membebankan dan menyukarkan mereka untuk bergerak. Masalah yang dikemukakan ini diharap mendapat perhatian dari pihak terlibat agar dapat mencari jalan penyelesaian untuk menyelesaikannya.

Bagi pelajar yang mengikuti kelas di Kuala Terengganu juga menghadapi masalah yang hampir sama iaitu masalah pengangkutan dan masalah kewangan. Kebanyakan pelajar menghadapi masalah untuk berulang alik ke tempat pengajian

⁵⁶ Temubual bersama Encik Mohamad Zaki bin Mohamad Yusoff pada 3 Julai 2008, jam 10.30 pagi bertempat Sekolah Rendah Agama Kampong Datuk Keramat, Kuala Lumpur.

kerana tinggal jauh dan terpaksa menukar bas atau teksi untuk sampai ke kelas pengajian. Berdasarkan temuramah yang dijalankan terdapat ramai pelajar lain yang ingin dan berminat untuk mengikuti kelas pengajian al-Qur'an ini tetapi tidak dapat datang kerana faktor tempat tinggal yang jauh dan sukar untuk mendapatkan pengangkutan yang sesuai.

Manakala masalah lain yang dihadapi oleh pelajar di Kuala Terengganu ialah disebabkan faktor kewangan. Walaupun pihak PERTIS telah menyediakan dana khas bagi menampung kos perjalanan dan pengangkutan pelajar untuk datang ke kelas al-Qur'an tetapi pelajar menyatakan bahawa wang tersebut lambat diperolehi dan terpaksa menunggu lama untuk mendapat wang serta terpaksa menggunakan wang sendiri terlebih dahulu untuk membayar tambang pengangkutan setiap kali kelas diadakan. Di harap pihak PERTIS dapat menyelesaikan masalah ini dengan cepat supaya pelajar dapat mengikuti kelas ini dengan lebih selesa dan mengurangkan beban kewangan yang mereka alami.

BAB EMPAT

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini menghuraikan dapatan kajian berdasarkan urutan objektif kajian iaitu menjelaskan profil demografi responden, menjelaskan tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an Braille di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) Kuala Lumpur dan Kuala Terengganu. Dapatan kajian telah dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif iaitu jadual peratusan, carta palang, graf, min dan sisihan piawai. Di gunakan juga kaedah statistik inferensi iaitu ujian ANOVA.

4.2 PROFIL RESPONDEN

Kajian ini melibatkan 35 orang responden yang mengikuti pengajian al-Qur'an yang dianjurkan oleh pihak PERTIS di Kuala Lumpur dan Kuala Terengganu. Responden yang terlibat mempunyai pelbagai latar belakang yang akan dihuraikan dalam bab ini. Jadual 4.1 menunjukkan bilangan dan peratus responden lelaki dan perempuan.

Jadual 4.1: Jantina

Jantina	Jumlah	Peratus
Lelaki	15 orang	42.9%
Perempuan	20 orang	57.1%
Jumlah	35 orang	100%

Berdasarkan kajian yang dilakukan, jumlah responden yang terlibat adalah seramai 35 orang yang terdiri daripada 15 pelajar lelaki iaitu 42.9 peratus manakala pelajar perempuan seramai 20 orang mewakili 57.1 peratus. Ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih ramai menyertai kelas pengajian al-Qur'an ini berbanding pelajar lelaki sama ada kelas yang diadakan di Kuala Lumpur atau di Kuala Terengganu.

Jadual 4.2: Umur

Umur	Jumlah	Peratus
16-29 Tahun	15 orang	42.9%
30-39 Tahun	9 orang	25.7%
40-49 Tahun	5 orang	14.3%
50-59 Tahun	4 orang	11.4%
60-69 Tahun	2 orang	5.7%
Jumlah	35 orang	100%

Responden yang mengikuti kelas pengajian ini terdiri daripada pelbagai peringkat umur seawal belasan tahun hingga 60 tahun. Responden yang berumur 16 hingga 29 tahun adalah seramai 15 orang dan mewakili 42.9 peratus dari keseluruhan responden. Manakala pelajar yang berumur antara 30 hingga 39 tahun seramai 9 orang dan mewakili 25.7 peratus. Seramai 5 orang pelajar lagi terdiri daripada lingkungan umur 40 hingga 49 tahun iaitu 14.3 peratus. Pelajar yang berumur 50 hingga 59 tahun

pula adalah seramai 4 orang iaitu 11.4 peratus, manakala golongan yang paling sedikit ialah yang berumur 60 hingga 69 tahun iaitu seramai 2 orang atau 5.7 peratus. Ini menunjukkan bahawa kelas pengajian ini mendapat sambutan dari pelbagai peringkat umur dan sewajarnya tindakan mereka dipuji dan dicontohi kerana mempunyai sikap ingin belajar dan menambahkan ilmu walaupun diusia emas dan sudah mempunyai anak cucu.

Jadual 4.3: Status

Status	Jumlah	Peratus
Berkahwin	15 orang	42.9%
Bujang	20 orang	57.1%
Jumlah	35 orang	100%

Berdasarkan jadual yang diberikan di atas menunjukkan status responden yang menyertai kelas pengajian al-Qur'an tersebut. Daripada jumlah keseluruhan responden iaitu seramai 35 orang, lebih separuh daripada mereka adalah tidak berkahwin atau masih bujang. Seramai 20 pelajar atau 57.1 peratus dari mereka masih belum berumahtangga. Manakala sejumlah 15 orang pelajar atau 42.9 peratus yang menyertai kelas di sini sudah berkahwin dan mempunyai anak. Secara puratanya mereka mempunyai lebih dari seorang anak dan anak mereka juga tidak mempunyai sebarang masalah penglihatan.

Jadual 4.4: Bangsa

Bangsa	Jumlah	Peratus
Melayu	34 orang	97.1%
Cina	1 orang	2.9%
Jumlah	35 orang	100%

Jadual di atas menunjukkan peratus responden mengikut bangsa. Responden yang berbangsa Melayu adalah seramai 34 orang mewakili 97.1 peratus, manakala responden berbangsa Cina adalah seorang dan mewakili 2.9 peratus.

Jadual 4.5: Pekerjaan

Pekerjaan	Jumlah	Peratus
Swasta	15 orang	42.9%
Bekerja Sendiri	9 orang	25.7%
Lain-lain	11 orang	31.4%
Jumlah	35 orang	100%

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji, responden yang terlibat dalam kajian ini kebanyakannya adalah bekerja. Di antara pekerjaan yang sering menjadi pilihan mereka ialah bekerja sebagai tukang urut. Menurut responden terbabit, mereka yang bekerja sebagai tukang urut, terlebih dahulu akan mendapat latihan di pusat-pusat latihan megurut bagi membolehkan mereka menguasai kemahiran tersebut dan seterusnya mencari pekerjaan bagi menampung kehidupan. Daripada 35 orang pelajar yang mengikuti kelas pengajian ini seramai 15 orang yang bekerja dengan

agensi swasta iaitu 42.9 peratus. Selain itu, terdapat 5 orang pelajar yang mengikuti kelas pengajian di Kuala Lumpur bekerja sebagai operator telefon. Manakala masing-masing seorang pelajar yang bekerja sebagai peniaga dan penyambut tetamu yang turut mengikuti kelas pengajian al-Qur'an yang dianjurkan di sini.

Seramai 9 orang responden bekerja sendiri dan mewakili 25.7 peratus dan selebihnya seramai 11 orang pelajar atau 31.4 peratus yang tidak bekerja dan terdiri daripada golongan isteri yang menjadi suri rumah sepenuh masa.

Jadual 4.6: Tempat Asal

Asal	Jumlah	Peratus
Perak	6 orang	17.1%
Terengganu	13 orang	37.1%
Kedah	2 orang	5.7%
Kelantan	6 orang	17.1%
Johor	4 orang	11.4%
Kuala Lumpur	4 orang	11.4%
Jumlah	35 orang	100%

Responden yang terlibat dalam kajian ini berasal dari pelbagai negeri antaranya Perak, Terengganu, Kedah, Kelantan dan Johor. Daripada negeri-negeri tersebut bilangan responden dari negeri Terengganu adalah paling ramai iaitu seramai 13 orang atau mewakili 37.1 peratus. Manakala negeri Kedah pula adalah negeri yang paling sedikit bilangan responden iaitu seramai 2 orang atau 5.7 peratus. Responden yang

berasal dari negeri Perak dan Kelantan pula adalah seramai 12 orang iaitu masing-masing 6 orang responden atau 17.1 peratus. Manakala negeri Johor dan Kuala Lumpur pula masing-masing seramai 4 orang atau mewakili 11.4 peratus dari keseluruhan responden.

Data ini menunjukkan bahawa golongan cacat penglihatan terdapat di mana-mana sahaja dan tidak mengira tempat sama ada berasal dari kampung atau bandar. Kebaikan yang dapat diambil dari perbezaan tempat asal responden ini ialah para pelajar dapat bergaul dan berkenalan dengan ramai kawan yang mempunyai pelbagai latar belakang. Mereka juga dapat berkongsi pengalaman serta menambahkan ilmu pengetahuan melalui perbincangan dan sebagainya.

Jadual 4.7: Pendidikan

Pendidikan	Jumlah	Peratus
Sekolah Rendah	14 orang	40.0%
Sekolah Menengah	17 orang	48.6%
Tidak Bersekolah	4 orang	11.4%
Jumlah	35 orang	100%

Selain mempunyai latar belakang yang berbeza, responden ini juga mempunyai tahap pendidikan yang berbeza. Terdapat ramai pelajar yang menyertai kelas ini hanya mengikuti pengajian setakat tahun enam sahaja atau sehingga tamat sekolah rendah. Kebanyakan dari mereka tinggal dan mengikuti kelas di Kuala Terengganu. Golongan

ini kurang mendapat pendedahan untuk menyambung pengajian di peringkat menengah atau di peringkat lebih tinggi lagi. Seramai 14 orang pelajar hanya mendapat pendidikan di peringkat rendah sahaja atau 40.0 peratus.

Manakala responden yang menamatkan pengajian sehingga mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ialah seramai 17 orang atau 48.6 peratus. Kebanyakan daripada mereka adalah pelajar yang mengikuti kelas pengajian al-Qur'an di Kuala Lumpur. Terdapat juga sebilangan kecil dari responden yang terlibat tidak mendapat pendidikan di peringkat rendah atau menengah. Mereka adalah seramai 4 orang atau 11.4 peratus. Golongan ini terdiri dari mereka yang telah berumur lebih dari 40 tahun.

Jadual 4.8: Pendapatan

Pendapatan	Jumlah	Peratus
< RM 500	6 orang	17.1%
RM 600-RM 1000	4 orang	11.4%
RM 1100- RM 1500	11 orang	31.4%
RM 1600- RM 2000	1 orang	2.9%
Tiada pendapatan	13 orang	37.1%
Jumlah	35 orang	100%

Berdasarkan pekerjaan responden yang majoritinya bekerja sebagai tukang urut refleksi, pendapatan yang diperolehi juga adalah tidak tetap bergantung kepada pelanggan yang datang. Seramai 6 orang responden atau 17.1 peratus memperolehi pendapatan kurang RM500 sebulan. Manakala responden yang berpendapatan antara

RM600 hingga RM1000 adalah seramai 4 orang atau 11.4 peratus. Manakala seramai 11 orang atau 31.4 peratus mendapat pendapatan antara RM1100 hingga RM1500 sebulan. Kebanyakan dari mereka adalah bekerja sebagai operator dan tinggal di Kuala Lumpur.

Manakala seorang responden berpendapatan RM1800 sebulan dan mewakili 2.9 peratus. Manakala seramai 13 orang responden lagi atau 37.1 peratus tidak mempunyai pendapatan kerana tidak bekerja dan hanya bergantung hidup kepada suami atau ibu bapa. Kebanyakan daripada mereka yang berpendapatan kurang dari RM500 tinggal di Terengganu dan bekerja sebagai tukang urut.

Jadual 4.9: Sebab Kecacatan

Sebab Kecacatan	Jumlah	Peratus
Semulajadi	14 orang	40.0%
Kemalangan	3 orang	8.6%
Demam	11 orang	31.4%
Lain-lain	7 orang	20.0%
Jumlah	35 orang	100%

Responden yang terlibat dalam kajian ini mempunyai pelbagai punca yang menyebabkan kecacatan penglihatan mereka. Seramai 14 orang atau 40.0 peratus yang mengalami kecacatan secara semulajadi dan 11 orang responden atau 31.4 peratus mengalami masalah penglihatan disebabkan oleh demam panas atau campak ketika kanak-kanak. Manakala sebanyak 8.6 peratus atau 3 orang responden mengalami

kecacatan disebabkan oleh kemalangan. Bagi sebab-sebab lain ialah seramai 7 orang atau 20.0 peratus.

Jadual 4.10: Mula Mengalami Kekacatan

Mula Cacat	Jumlah	Peratus
Sejak lahir	15 orang	42.9%
Kanak-kanak	15 orang	42.9%
Remaja	3 orang	8.6%
Dewasa	2 orang	5.7%
Jumlah	35 orang	100%

Jadual 4.10 menunjukkan sejak bila responden mula mendapat kecacatan penglihatan. Sebanyak 15 responden mendapat kecacatan sejak lahir dan merangkumi 42.9 peratus. Manakala responden mengalami kecacatan sejak usia kanak-kanak seramai juga bilangan yang sama iaitu 15 orang dan merangkumi 42.9 peratus. Selain itu, seramai 3 orang mendapat kecacatan semasa remaja iaitu 8.6 peratus dan semasa dewasa seramai 2 orang mewakili 5.7 peratus.

4.3 TAHAP PENGETAHUAN, KEFAHAMAN DAN PENGAMALAN AL-QUR'AN BRAILLE DI KALANGAN AHLI PERSATUAN ORANG-ORANG CACAT PENGLIHATAN ISLAM MALAYSIA (PERTIS) KUALA LUMPUR DAN KUALA TERENGGANU.

Jadual 4.11: Item Tahap Pengetahuan al-Quran di Kalangan Ahli Persatuan PERTIS

ITEM	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1. Saya memiliki Al-Qur'an Braille	-	-	100%	-
2. Saya boleh membaca al-Qur'an sebelum memasuki kelas ini	-	51.4%	48.6%	-
3. Ibu bapa adalah pendorong utama untuk belajar membaca al-Qur'an	-	-	57.1%	42.9%
4. Ibu bapa sering memberi bimbingan kepada saya ketika membaca al-Qur'an	-	2.9%	71.4%	25.7%
5. Pendidikan awal al-Qur'an saya bermula di rumah	-	2.9%	71.4%	25.7%
6. Saya mula belajar mengenal al-Qur'an Braille ketika berada di sekolah rendah	-	11.4%	54.3%	34.3%
7. Al-Qur'an Braille sukar diperolehi kerana harganya yang mahal berbanding al-Qur'an biasa	-	-	60.0%	40.0%
8. Saya berusaha untuk belajar membaca al-Qur'an Braille	-	-	45.7%	54.3%
9. Saya berasa mudah ketika membaca al-Qur'an Braille	-	8.6%	91.4%	-
10. Kawan-kawan banyak membantu ketika saya membaca al-Qur'an Braille	-	-	51.4%	48.6%

Jadual 4.11 menunjukkan tahap pengetahuan al-Qur'an Braille di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS). Daripada jumlah responden seramai 35 orang, didapati 100 peratus mengakui bahawa mereka memiliki al-Qur'an Braille di rumah. Manakala 48.6 peratus mengaku boleh membaca al-Qur'an sebelum memasuki kelas pengajian yang dianjurkan oleh pihak PERTIS. Walaupun begitu, sebanyak 51.4 peratus mengatakan mereka tidak boleh membaca al-Qur'an sebelum memasuki kelas tersebut.

Seterusnya, sebanyak 100 peratus menyatakan bahawa ibu bapa adalah pendorong utama untuk mereka belajar membaca al-Qur'an. Namun begitu 2.9 peratus mengatakan ibu bapa mereka tidak memberi bimbingan ketika membaca al-Qur'an. Hal ini disebabkan ibu bapa yang tidak berkemahiran untuk mengajar anak mereka membaca dan mendalami al-Qur'an. Sebanyak 97.1 peratus menyatakan bahawa pendidikan awal al-Qur'an mereka bermula di rumah dan 88.6 peratus mendapat pendedahan awal tentang al-Qur'an Braille ketika berada di sekolah rendah.

Kesemua responden bersetuju mengatakan harga al-Qur'an Braille lebih mahal dari al-Qur'an biasa dan faktor ini menyebabkan tidak semua golongan cacat penglihatan mampu memilikinya. Walaupun begitu, matlamat untuk menuntut ilmu yang kuat tidak mematahkan semangat mereka untuk mencari ilmu dan setiap responden bersetuju bahawa mereka berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk belajar membaca dan menguasai al-Qur'an Braille dengan lebih baik. Daripada semua responden, 91.4 peratus berasa mudah ketika membaca al-Qur'an Braille, manakala 8.6 peratus tidak bersetuju mengatakan al-Qur'an Braille itu mudah di pelajari dan di baca. Kawan-kawan juga memainkan peranan yang penting dalam mempelajari kitab al-

Qur'an. Sebanyak 51.4 peratus bersetuju dan berpendapat kawan-kawan banyak membantu mereka ketika membaca al-Qur'an dan memperbaiki bacaan al-Qur'an.

Jadual 4.12: Item Tahap Kefahaman al-Quran di Kalangan Ahli Persatuan PERTIS

ITEM	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1. Saya mudah memahami pelajaran yang di ajar oleh guru di dalam kelas	-	-	82.9%	17.1%
2. Saya mengambil masa yang singkat untuk menguasai bacaan al-Qur'an Braille	-	51.4%	48.6%	-
3. Saya pernah belajar tulisan Braille sebelum memasuki kelas pengajian ini	-	14.3%	85.7%	-
4. Kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru sangat sesuai dilaksanakan	-	-	60.0%	40.0%
5. Saya memberi kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan di dalam kelas	-	-	68.6%	31.4%
6. Selain membaca, guru juga mengajar tafsir ayat al-Qur'an	-	-	80.0%	20.0%
7. Saya selalu bertanya kepada guru sekiranya tidak faham	-	-	57.1%	42.9%
8. Kelas pengajian al-Qur'an Braille banyak membantu mendekati diri kepada Allah	-	-	60.0%	40.0%
9. Kelas pengajian al-Qur'an ini perlu dipertingkatkan lagi di masa hadapan	-	-	54.3%	45.7%
10. Saya selalu berbincang dan bertukar pandangan dengan kawan-kawan ketika di dalam kelas	-	-	57.1%	42.9%

Berdasarkan jadual 4.12 menunjukkan tahap kefahaman al-Qur'an di kalangan ahli PERTIS yang mengikuti kelas pengajian al-Qur'an yang dianjurkan oleh pihak PERTIS. Semua responden yang mengikuti kelas pengajian tersebut bersetuju bahawa mereka mudah memahami pelajaran yang diajar oleh guru di dalam kelas. Sebanyak 82.9 peratus mengaku bersetuju dan 17.1 peratus mengaku sangat bersetuju bahawa mereka mudah memahami maklumat yang disampaikan oleh guru ketika mengajar. Sebanyak 48.6 peratus bersetuju mereka tidak mengambil masa yang lama untuk menguasai bacaan al-Qur'an Braille. Namun begitu, sebanyak 51.4 peratus tidak bersetuju dan mereka memerlukan masa yang secukupnya untuk menguasai bacaan al-Qur'an Braille dengan baik. Ini disebabkan mereka tidak mempunyai asas Braille sebelum memasuki kelas pengajian tersebut.

Sebanyak 85.7 peratus mengakui mereka pernah belajar tulisan Braille sebelum memasuki kelas pengajian ini dan sebanyak 14.3 peratus pula tidak pernah mempelajari tulisan Braille sebelum mengikuti kelas yang dianjurkan ini. Semua responden bersetuju bahawa kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru ketika mengajar sangat sesuai dilaksanakan. Semua responden memberi kerjasama baik kepada guru ketika aktiviti dijalankan di dalam kelas. Selain itu, semua responden bersetuju bahawa mereka akan bertanya kepada guru sekiranya tidak faham atau kurang faham tentang sesuatu tajuk. Selain mengajar membaca al-Qur'an, guru juga mengajar tafsir ayat-ayat al-Qur'an di dalam kelas. Sebanyak 60.0 peratus bersetuju bahawa dengan menghadiri kelas pengajian al-Qur'an ini akan mendekatkan diri mereka lagi kepada Allah SWT dan 40.0 peratus responden sangat bersetuju dengan pandangan tersebut.

Manakala 100 peratus bersetuju sekiranya kelas pengajian al-Qur'an perlu ditingkatkan lagi kualitinya di masa akan datang. Sebanyak 57.1 peratus responden bersetuju dan 42.9 peratus sangat bersetuju bahawa mereka selalu berbincang dan bertukar pandangan dengan kawan-kawan ketika berada di dalam kelas.

Jadual 4.13: Item Tahap Pengamalan al-Quran di Kalangan Ahli Persatuan PERTIS


ITEM	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1. Saya membaca al-Qur'an Braille setiap hari	-	25.7%	48.6%	25.7%
2. Dalam sehari saya membaca al-Qur'an Braille lebih daripada sekali.	-	28.6%	40.0%	31.4%
3. Saya membaca al-Qur'an Braille selepas solat fardhu	-	-	65.7%	34.3%
4. Saya selalu membaca al-Qur'an Braille di rumah	-	-	74.3%	25.7%
5. Saya selalu membaca al-Qur'an Braille di tempat kerja	-	77.1%	22.9%	-
6. Saya sangat berminat untuk menyertai kelas pengajian Al-Qur'an Braille untuk memperbaiki bacaan Al-Qur'an	-	-	54.3%	45.7%
7. Saya membawa dan membaca al-Qur'an Braille di mana sahaja berada	-	80.0%	20.0%	-
8. Saya mengetahui tentang ganjaran pahala ke atas orang yang membaca al-Qur'an	-	-	60.0%	40.0%
9. Kawan-kawan adalah insan terpenting dalam mempengaruhi saya membaca al-Qur'an	-	-	60.0%	40.0%
10. Saya berasa tidak tenang jika tidak membaca Al-Qur'an dalam sehari	-	-	71.4%	28.6%

Jadual 4.13 menunjukkan tahap pengamalan al-Qur'an di kalangan responden yang mengikuti kelas pengajian yang dianjurkan oleh pihak PERTIS. Sebanyak 74.3 peratus responden membaca al-Qur'an setiap hari. Daripada jumlah tersebut sebanyak 71.4 peratus membaca al-Qur'an Braille lebih daripada sekali dalam sehari.

Kesemua responden mengatakan bahawa mereka lazimnya membaca al-Qur'an selepas solat fardhu. Manakala 100 peratus responden bersetuju mereka membaca al-Qur'an Braille ketika berada di rumah. Hanya 22.9 peratus sahaja responden yang bersetuju bahawa selain membaca al-Qur'an di rumah, mereka juga membaca al-Qur'an ketika berada di tempat kerja. Semua responden bersetuju bahawa mereka memasuki kelas pengajian disebabkan minat yang mendalam dan niat untuk memperbaiki bacaan al-Qur'an mereka.


Sebanyak 80.0 peratus tidak bersetuju untuk membawa dan membaca al-Qur'an Braille walau di mana berada. Sebanyak 20.0 peratus lagi responden yang bersetuju membawa dan membaca al-Qur'an di mana saja berada. Di samping itu, sebanyak 60.0 peratus bersetuju dan 40.0 sangat bersetuju bahawa mereka mengetahui tentang ganjaran pahala ke atas orang-orang yang membaca al-Qur'an. Semua responden mengaku bahawa kawan-kawan adalah insan terpenting yang mempengaruhi mereka untuk belajar membaca al-Qur'an. Mereka juga berasa tidak tenang jika tidak membaca al-Qur'an dalam sehari.

4.4 MENGENALPASTI TAHAP PENGETAHUAN AL-QUR'AN DI KALANGAN AHLI PERSATUAN ORANG-ORANG CACAT PENGLIHATAN ISLAM MALAYSIA (PERTIS) BERDASARKAN DEMOGRAFI RESPONDEN




Rajah 4.1

Rajah menunjukkan tahap pengetahuan responden tentang al-Qur'an Braille berdasarkan jantina. Responden lelaki yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 15 orang dan perempuan seramai 20 orang. Responden lelaki menunjukkan tahap pengetahuan yang lebih tinggi ($M = 29.3$, $SD = 1.05$) berbanding responden perempuan. ($M = 28.4$, $SD = 1.69$).




Rajah 4.2

Rajah menunjukkan tahap pengetahuan al-Qur'an berdasarkan umur responden. Responden yang berumur dalam lingkungan 16 hingga 29 tahun mempunyai tahap pengetahuan yang paling tinggi ($M=29.76$, $SD=1.19$) berbanding responden yang berumur 30 hingga 39 tahun ($M=28.66$, $SD=1.16$). Golongan yang berumur lingkungan 40 hingga 49 dan pula berada pada tahap pengetahuan lebih rendah ($M=27.78$, $SD=1.17$) berbanding responden berumur antara 50 hingga 59 tahun ($M=27.83$, $SD=1.28$). Manakala responden yang berumur antara 60 hingga 69 pula tahap kefahaman al-Qur'an mereka sangat rendah berbanding responden lain ($M=26.85$, $SD=2.19$).




Rajah 4.3

Rajah menunjukkan tahap pengetahuan al-Qur'an Braille reponden berdasarkan status. Golongan yang belum berkahwin mempunyai tahap pengetahuan yang lebih tinggi ($M=29.56$, $SD=1.26$) berbanding golongan yang telah berkahwin ($M=27.81$, $SD=1.20$.) Golongan yang belum berkahwin kebanyakannya tinggal bersama rakan-rakan dengan menyewa rumah. Situasi ini digunakan oleh mereka untuk menambahkan lagi pengetahuan tentang pengajian al-Qur'an melalui perbincangan serta bantuan kawan-kawan dalam pembacaan al-Qur'an.




Rajah 4.4

Bangsa Melayu mempunyai tahap pengetahuan yang lebih tinggi ($M=28.85$, $SD=1.50$) berbanding bangsa Cina ($M=27.30$). Responden yang berbangsa Melayu lazimnya mendapat pendedahan awal tentang al-Qur'an Braille daripada ibu bapa dan kawan-kawan. Responden yang berbangsa Cina pula kurang pengetahuan tentang al-Qur'an Braille disebabkan faktor baru memeluk agama Islam dan memerlukan masa yang lebih lama bagi mendalami agama Islam serta mempelajari al-Qur'an Braille.




Rajah 4.5

Responden yang bekerja dengan pihak swasta mempunyai tahap pengetahuan yang lebih tinggi ($M=29.76$, $SD=1.19$) berbanding responden yang bekerja sendiri ($M=29.02$, $SD=1.00$) atau tidak bekerja ($M=27.33$, $SD=1.01$). Golongan yang bekerja dengan pihak swasta sering berbincang atau bertukar pandangan ketika di tempat kerja. Melalui perbincangan ini akan menambahkan pengetahuan mereka tentang al-Qur'an Braille serta membantu mereka memperbaiki bacaan al-Qur'an dengan lebih baik.




Rajah 4.6

Responden yang tidak bekerja ($M=27.72$, $SD=1.35$) dan mempunyai pendapatan di bawah RM500 ($M=28.68$, $SD= .793$) mempunyai pengetahuan yang lebih rendah berbanding responden yang berpendapatan RM600 hingga RM1000 ($M=30.15$, $SD= .957$) dan RM1100 hingga RM1500 ($M=29.70$, $SD=1.31$). Manakala responden berpendapatan RM1600 hingga RM2000 ($M=28.40$) tahap pengetahuan mereka lebih rendah berbanding golongan berpendapatan bawah RM500.




Rajah 4.7

Golongan yang mendapat pendidikan sehingga peringkat menengah mempunyai tahap pengetahuan al-Qur'an Braille yang lebih tinggi ($M=29.77$, $SD=1.19$) berbanding responden yang mendapat pendidikan setakat sekolah rendah ($M=28.34$, $SD= .786$) dan responden yang tidak bersekolah ($M=26.33$, $SD= .858$) mempunyai tahap pengetahuan paling rendah.




Rajah 4.8

Responden yang berasal dari negeri Kedah mempunyai tahap pengetahuan yang paling tinggi ($M=31.40$, $SD= .000$) berkaitan al-Qur'an Braille berbanding negeri lain. Manakala responden yang berasal dari negeri Terengganu pula tahap pengetahuan mereka paling rendah ($M=28.02$, $SD=1.52$) berbanding negeri Kelantan ($M=28.35$, $SD=1.11$), Johor ($M=29.05$, $SD= .957$), Perak ($M=29.22$, $SD=1.29$) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ($M=29.88$, $SD= .984$).



Rajah 4.9


Responden yang mendapat kecacatan penglihatan semasa remaja mempunyai tahap pengetahuan yang paling tinggi berkaitan al-Qur'an Braille ($M=29.70$, $SD=2.04$) berbanding responden yang mendapat kecacatan pada usia dewasa ($M=27.90$, $SD=.707$) mempunyai tahap pengetahuan paling rendah. Manakala responden yang mendapat kecacatan penglihatan semasa kanak-kanak pula tahap pengetahuan mereka lebih rendah ($M=28.40$, $SD=1.17$) berbanding responden yang cacat sejak lahir ($M=29.15$, $SD=1.69$).



Rajah 4.10


Tahap pengetahuan responden yang mendapat kecacatan secara semulajadi berada pada tahap paling tinggi ($M=29.29$, $SD=1.68$). Manakala responden yang mendapat kecacatan disebabkan oleh kemalangan pula mempunyai tahap pengetahuan paling rendah ($M=27.70$, $SD=.608$). Selain itu, responden yang menghadapi masalah penglihatan disebabkan demam ($M=28.78$, $SD=.829$) pula mempunyai tahap pengetahuan yang lebih tinggi berbanding sebab-sebab lain ($M=28.36$, $SD=2.00$).

4.5 MENGENALPASTI TAHAP KEFAHAMAN AL-QUR'AN DI KALANGAN AHLI PERSATUAN ORANG-ORANG CACAT PENGLIHATAN ISLAM MALAYSIA (PERTIS) BERDASARKAN DEMOGRAFI RESPONDEN




Rajah 4.11

Rajah menunjukkan tahap kefahaman al-Qur'an di kalangan responden lelaki lebih tinggi ($M=28.00$, $SD=2.34$) berbanding kaum perempuan ($M=27.38$, $SD=2.85$). Ini menunjukkan bahawa orang lelaki lebih memahami pelajaran yang diajar di dalam kelas dan menguasai bacaan al-Qur'an Braille berbanding kaum perempuan.




Rajah 4.12

Tahap kefahaman al-Qur'an dari segi umur menunjukkan responden yang berada dalam kategori umur 16 hingga 29 tahun mempunyai kefahaman yang lebih tinggi ($M=29.41$, $SD=1.57$) berbanding golongan yang berumur 30 hingga 39 tahun ($M=27.10$, $SD=2.96$) dan 40 hingga 49 tahun ($M=26.92$, $SD=1.71$). Manakala responden yang berumur 60 hingga 69 tahun mempunyai tahap kefahaman al-Qur'an yang paling rendah ($M=23.80$, $SD= .707$) berbanding responden berumur 50 hingga 59 tahun ($M=25.05$, $SD=1.71$). Ini menunjukkan bahawa responden yang berumur 50 tahun ke atas mempunyai tahap kefahaman yang rendah dan faktor umur memainkan peranan yang penting dalam menentukan tahap kefahaman seseorang.




Rajah 4.13

Responden yang belum berkahwin mudah memahami pelajaran yang diajar oleh guru seterusnya mempunyai tahap kefahaman yang lebih tinggi ($M=28.95$, $SD=2.21$) berbanding responden yang telah berkahwin ($M=25.91$, $SD=2.11$). Kerjasama yang diberikan ketika aktiviti di dalam kelas serta perbincangan yang dilakukan bersama rakan-rakan meningkatkan lagi kefahaman mereka tentang pengajian al-Qur'an.




Rajah 4.14

Responden yang berbangsa Cina mempunyai tahap kefahaman yang lebih tinggi ($M=32.40$) berbanding responden berbangsa Melayu ($M=27.50$, $SD=2.53$). Ini menunjukkan bahawa responden terbabit memberikan kerjasama dan tumpuan yang lebih ketika guru mengajar di dalam kelas dan selalu bertanya sekiranya terdapat kemusykilan tentang sesuatu perkara.




Rajah 4.15

Rajah di atas menunjukkan tahap kefahaman responden berdasarkan pekerjaan. Responden yang bekerja dengan pihak swasta mempunyai tahap kefahaman yang tinggi ($M=29.41$, $SD=1.57$) berbanding responden yang bekerja sendiri ($M=27.56$, $SD=2.79$) dan tidak bekerja ($M=25.30$, $SD=1.73$).




Rajah 4.16

Tahap kefahaman responden yang mempunyai pendapatan RM1100 hingga RM1500 berada pada tahap paling tinggi ($M=30.10$, $SD=1.69$) berbanding golongan berpendapatan RM1600 hingga RM2000 ($M=29.30$). Manakala responden yang tidak berpendapatan pula berada pada tahap paling rendah kefahaman mereka ($M=25.76$, $SD=1.94$) diikuti golongan berpendapatan di bawah RM 500 ($M=26.48$, $SD=2.58$) dan RM 600 hingga RM1000 ($M=28.33$, $SD= .776$).




Rajah 4.17

Rajah menunjukkan responden yang mendapat pendidikan sehingga peringkat menengah mempunyai tahap kefahaman yang paling tinggi ($M=29.53$, $SD=1.61$) dan mudah memahami pelajaran al-Qur'an yang dia ajar oleh guru di dalam kelas berbanding responden yang mendapat pendidikan sekolah rendah sahaja ($M=26.16$, $SD=2.29$) dan tahap kefahaman responden yang tidak bersekolah berada pada tahap paling rendah ($M=24.80$, $SD= .577$).




Rajah 4.18

Responden yang berasal dari Johor mempunyai tahap kefahaman yang tinggi dalam pengajian al-Qur'an Braille ($M=29.58$, $SD=2.79$), diikuti responden yang berasal dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ($M=29.38$, $SD= 1.42$) dan negeri Kedah ($M=29.35$, $SD= .070$). Seterusnya tahap kefahaman bagi responden yang berasal dari negeri Perak ($M=27.15$, $SD=2.66$), Terengganu ($M=26.94$, $SD=2.29$) dan Kelantan ($M=26.65$, $SD=3.48$) berada pada tahap yang paling rendah berbanding negeri lain.



Rajah 4.19


Golongan yang mendapat cacat penglihatan sejak lahir lebih memahami al-Qur'an Braille ($M=28.47$, $SD=2.09$) berbanding responden yang mendapat cacat penglihatan semasa kanak-kanak ($M=27.19$, $SD=2.99$) dan remaja ($M=27.33$, $SD=2.68$). Sementara itu, responden yang mendapat kecacatan semasa dewasa ($M=25.30$, $SD=2.83$), tahap kefahaman mereka sangat rendah ketika mempelajari al-Qur'an Braille.



Rajah 4.20


Responden yang mendapat kecacatan secara semulajadi mempunyai tahap kefahaman lebih tinggi ($M=28.19$, $SD=1.86$) jika dibandingkan dengan responden yang mengalami kecacatan disebabkan oleh demam ($M=27.96$, $SD=3.03$) atau kemalangan ($M=27.67$, $SD=4.56$). Ini disebabkan responden yang mengalami kecacatan sejak lahir atau semulajadi mendapat pendedahan dari kecil lagi tentang pembacaan al-Quran dengan menggunakan al-Qur'an Braille.

4.6 MENGENALPASTI TAHAP PENGAMALAN AL-QUR'AN DI KALANGAN AHLI PERSATUAN ORANG-ORANG CACAT PENGLIHATAN ISLAM MALAYSIA (PERTIS) BERDASARKAN DEMOGRAFI RESPONDEN




Rajah 4.21

Rajah di atas menunjukkan tahap pengamalan responden dalam membaca al-Qur'an Braille dalam kehidupan seharian. Responden lelaki ($M=29.35$, $SD=1.52$) lebih tinggi tahap pengamalan mereka berbanding responden perempuan ($M=28.84$, $SD=1.59$).




Rajah 4.22

Responden yang berumur lingkungan 16 hingga 29 tahun ($M=30.23$, $SD=1.41$) lebih kerap membaca al-Qur'an berbanding golongan yang berumur 30 hingga 39 tahun ($M=28.53$, $SD=1.19$). Manakala responden yang berumur 40 hingga 49 tahun ($M=27.76$, $SD= .586$) pula paling rendah pengamalan mereka dalam membaca al-Qur'an Braille berbanding golongan yang berumur 50 hingga 59 tahun ($M=27.83$, $SD= .550$) dan 60 hingga 69 tahun ($M=28.30$, $SD=1.41$).




Rajah 4.23

Responden yang belum berkahwin atau masih bujang ($M=29.85$, $SD=1.55$) ternyata lebih tinggi tahap amalan mereka dalam membaca al-Qur'an berbanding golongan yang telah berkahwin ($M=28.00$, $SD= .712$). Faktor masa atau tanggungjawab terhadap keluarga dan anak-anak membataskan mereka untuk lebih kerap membaca al-Qur'an berbanding golongan yang belum berkahwin.




Rajah 4.24

Responden yang berbangsa Melayu mempunyai tahap amalan yang lebih rendah ($M=28.99$, $SD=1.53$) berbanding responden berbangsa Cina ($M=31.30$). Ini menunjukkan bahawa responden berbangsa Cina lebih kerap membaca al-Qur'an dalam sehari dan menjadi amalan mereka untuk membaca al-Qur'an walau di mana berada sama ada di tempat kerja atau di rumah.




Rajah 4.25

Golongan yang bekerja dengan pihak swasta ($M=30.23$, $SD=1.41$) ternyata mempunyai tahap amalan yang lebih tinggi dalam membaca al-Qur'an berbanding responden yang bekerja sendiri ($M=28.54$, $SD= .813$). Manakala golongan yang tidak bekerja pula mempunyai tahap amalan yang paling rendah ($M=27.87$, $SD=1.03$) berbanding golongan yang bekerja.




Rajah 4.26

Responden yang berpendapatan antara RM1100 hingga RM1500 mempunyai tahap amalan yang paling tinggi ($M=30.26$, $SD=1.38$) dalam membaca al-Qur'an berbanding golongan yang berpendapatan RM600 hingga RM1000 ($M=30.13$, $SD=1.72$). Golongan yang tidak mempunyai pendapatan atau yang tidak bekerja pula mempunyai tahap pengamalan yang paling rendah ($M=28.10$, $SD=1.09$) berbanding golongan berpendapatan RM1600 hingga RM2000 ($M=28.30$) dan berpendapatan kurang dari RM500 ($M=28.33$, $SD= .873$).




Rajah 4.27

Rajah menunjukkan responden yang mendapat pendidikan sehingga sekolah menengah mempunyai tahap pengamalan al-Qur'an yang paling tinggi ($M=30.06$, $SD=1.42$) berbanding responden yang bersekolah rendah sahaja ($M=28.26$, $SD=1.07$). Manakala responden yang tidak bersekolah pula mempunyai tahap amalan Al-Qur'an yang paling rendah ($M=27.58$, $SD= .486$).




Rajah 4.28

Responden yang berasal dari negeri Kedah mempunyai tahap paling tinggi ($M=31.40$, $SD=1.41$) dalam mengamalkan al-Qur'an. Manakala responden yang berasal dari Kelantan ($M=28.50$, $SD=1.59$) dan Terengganu ($M=28.57$, $SD=1.64$) mempunyai tahap amalan yang paling rendah berbanding responden yang berasal dari negeri Johor ($M=29.33$, $SD=.050$), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ($M=29.33$, $SD=1.46$) dan Negeri Perak ($M=29.53$, $SD=1.49$).



Rajah 4.29

Tahap pengamalan al-Qur'an di kalangan responden yang mendapat cacat penglihatan sejak dilahirkan berada pada aras yang paling tinggi ($M=29.42$, $SD=1.89$), diikuti oleh responden yang mendapat kecacatan pada usia remaja ($M=29.00$, $SD= .608$) dan dewasa ($M=28.85$, $SD= .636$). Manakala responden yang mendapat kecacatan semasa kanak-kanak mempunyai tahap amalan paling rendah ($M=28.73$, $SD=1.39$) berbanding yang lain.



Rajah 4.30

Tahap pengamalan responden yang mendapat kecacatan disebabkan oleh kemalangan berada pada tahap paling tinggi ($M=29.67$, $SD=1.48$) diikuti oleh responden yang mendapat kecacatan secara semulajadi ($M=29.29$, $SD=1.89$) dan akibat demam ($M=29.15$, $SD=1.39$). Manakala responden yang cacat disebabkan oleh masalah lain pula berada pada tahap paling rendah ($M=28.20$, $SD=.909$) pengamalan mereka dalam membaca al-Qur'an.

4.7 ANALISIS ANOVA DALAM PENGUJIAN HIPOTESIS PADA TAHAP PENGETAHUAN, KEFAHAMAN DAN PENGAMALAN AL-QUR'AN DI KALANGAN AHLI PERSATUAN ORANG-ORANG CACAT PENGLIHATAN ISLAM MALAYSIA (PERTIS) DARI SEGI DEMOGRAFI.

Ujian ANOVA digunakan untuk mengenalpasti perbezaan sekumpulan data selang dalam variable bersandar merentasi beberapa kumpulan data skala nominal atau ordinal dalam variabel bebas. Ujian ANOVA juga dianalisis untuk melihat perbandingan dua atau lebih skor min. Ujian ini membenarkan pengkaji menentukan sama ada terdapat perbezaan antara lebih daripada dua sampel bebas. Dalam kajian ini ujian ANOVA dianalisis untuk menguji hipotesis.

Ho(1): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dari segi jantina.

Jadual 4.14: Hasil Ujian ANOVA Satu Hala Perbezaan Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Pengamalan dari Aspek Jantina

	Jantina	Min	Sisihan Piawai	F	P
Pengetahuan	Lelaki	2.929	1.052	2.94	.096
	Perempuan	2.844	1.697		
Kefahaman	Lelaki	2.800	2.341	.478	.494
	Perempuan	2.738	2.850		
Pengamalan	Lelaki	2.935	1.517	.907	.348
	Perempuan	2.884	1.587		

Berbandukan jadual 4.14, dapatan analisis menerangkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an dari aspek jantina. Ini menunjukkan bahawa aspek jantina tidak mempunyai

hubungan yang signifikan dari segi pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an. Justeru, hipotesis null (H_0) di terima.

Ho(2): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dari segi umur.

Jadual 4.15: Hasil Ujian ANOVA Satu Hala Perbezaan Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Pengamalan dari Aspek Umur

	Umur	Min	Sisihan Piawai	F	P
Pengetahuan	16-29	2.976	1.193	5.014	.003*
	30-39	2.866	1.156		
	40-49	2.778	1.171		
	50-59	2.783	1.279		
	60-69	2.685	2.192		
Kefahaman	16-29	2.941	1.569	6.488	.001*
	30-39	2.710	2.964		
	40-49	2.692	1.709		
	50-59	2.505	1.708		
	60-69	2.380	.707		
Pengamalan	16-29	3.023	1.410	6.709	.001*
	30-39	2.853	1.189		
	40-49	2.776	.586		
	50-59	2.783	.550		
	60-69	2.830	1.414		

Hasil keputusan analisis merujuk kepada jadual 4.15 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an dari aspek umur. Bagi sampel kajian ini ($n=35$), tahap pengetahuan responden skor min bagi kategori umur 16-29 tahun lebih tinggi ($M=2.98$, $SD=1.19$, $n=15$), berbanding golongan umur 30-39 tahun ($M=2.87$, $SD=1.16$, $n=9$), umur 50-59 tahun ($M=2.78$, $SD=1.28$, $n=4$), umur 40-49 tahun ($M=2.77$, $SD=1.17$, $n=5$) dan yang terakhir umur 60-69 tahun ($M=2.69$, $SD=2.19$, $n=2$). Analisis dapatan kajian menunjukkan

terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan al-Qur'an dari aspek umur iaitu $F(4,35)=5.01$, $p>0.05$. Hipotesis null (H_0) ditolak.

Selain itu, tahap kefahaman al-Qur'an dari aspek umur iaitu responden yang berumur 16-29 tahun adalah lebih tinggi ($M=2.94$, $SD=1.57$, $n=15$) berbanding golongan berumur 30-39 tahun ($M=2.71$, $SD=2.96$, $n=9$), umur 40-49 tahun ($M=2.69$, $SD=1.71$, $n=5$), umur 50-59 tahun ($M=2.51$, $SD=1.70$, $n=4$) dan golongan berumur 60-69 tahun ($M=2.38$, $SD=.707$, $n=2$). Analisis dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap kefahaman responden dari aspek umur iaitu $F(4, 35)=6.49$, $p>0.05$. Hipotesis null (H_0) ditolak.

Manakala dari segi pengamalan al-Qur'an pula, golongan yang berumur 16-29 tahun skor min adalah lebih tinggi iaitu ($M=3.02$, $SD=1.41$, $n=15$), berbanding umur 30-39 tahun ($M=2.85$, $SD=1.19$, $n=9$), umur 60-69 tahun ($M=2.83$, $SD=1.41$, $n=2$), umur 50-59 tahun ($M=2.78$, $SD=.550$, $n=4$), dan yang terakhir umur 40-49 tahun ($M=2.77$, $SD=.586$, $n=5$). Analisis dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan iaitu $F(4, 35)=6.71$, $p>0.05$. Hipotesis null (H_0) ditolak.

Ho(3): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dari segi status.

Jadual 4.16 : Hasil Ujian ANOVA Satu Hala Perbezaan Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Pengamalan dari Aspek Status

	Status	Min	Sisihan Piawai	F	P
Pengetahuan	Bujang	2.956	1.261	17.217	.000*
	Berkahwin	2.781	1.196		
Kefahaman	Bujang	2.895	2.212	16.818	.000*
	Berkahwin	2.591	2.109		
Pengamalan	Bujang	2.985	1.553	18.283	.000*
	Berkahwin	2.800	.712		

Hasil keputusan analisis merujuk jadual 4.16, bagi sampel kajian ini (n=35), skor min bagi responden berstatus bujang lebih tinggi (M=2.96, SD=1.26, n=20) berbanding responden yang telah berkahwin (M=2.78, SD=1.19, n=15) dalam pengetahuan tentang al-Qur'an. Manakala dari segi kefahaman al-Qur'an pula golongan bujang masih lagi mempunyai min yang tinggi (M=2.89, SD=2.21, n=20) berbanding yang telah berkahwin (M=2.59, SD=2.11, n=15).

Dari segi pengamalan al-Qur'an pula, golongan bujang masih lagi mempunyai min yang tinggi (M=2.99, SD=1.55, n=20) berbanding golongan telah berumah tangga (M=2.80, SD=.712, n=15) Ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga aspek ini mempunyai perbezaan yang signifikan iaitu dari segi pengetahuan al-Qur'an iaitu $F(1, 35)=17.22$, $p>0.05$. Hipotesis null (H_0) ditolak. Pada tahap kefahaman al-Qur'an $F(1, 35)=16.82$, $p>0.05$. Hipotesis null (H_0) ditolak, dan pada tahap pengamalan al-Qur'an juga

terdapat perbezaan yang signifikan iaitu $F(1, 35)=18.28$, $p>0.05$. Hipotesis null (H_0) ditolak.

$H_0(4)$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dari segi bangsa.

Jadual 4.17 : Hasil Ujian ANOVA Satu Hala Perbezaan Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Pengamalan dari Aspek Bangsa

	Bangsa	Min	Sisihan Piawai	F	P
Pengetahuan	Melayu	2.885	1.498	1.040	.315
	Cina	2.730	.		
Kefahaman	Melayu	2.750	2.529	3.642	.065
	Cina	3.240	.		
Pengamalan	Melayu	2.899	1.529	2.216	.146
	Cina	3.130	.		

Jadual 4.17 menunjukkan dapatan analisis tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an dari aspek bangsa. Keputusan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara bangsa Melayu dan Cina bagi tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an. Justeru hipotesis null (H_0) diterima.

Ho(5): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dari segi pekerjaan.

Jadual 4.18: Hasil Ujian ANOVA Satu Hala Perbezaan Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Pengamalan dari Aspek Pekerjaan

	Pekerjaan	Min	Sisihan Piawai	F	P
Pengetahuan	Swasta	2.976	1.193	15.930	.000*
	Bekerja Sendiri	2.902	1.009		
	Lain-lain	2.733	1.011		
Kefahaman	Swasta	2.941	1.569	13.548	.000*
	Bekerja Sendiri	2.756	2.794		
	Lain-lain	2.530	1.732		
Pengamalan	Swasta	3.023	1.410	14.102	.000*
	Bekerja Sendiri	2.854	.813		
	Lain-lain	2.787	1.031		

Jadual 4.18 menunjukkan sampel kajian (n=35) bagi tahap pengetahuan al-Qur'an, golongan yang bekerja dengan pihak swasta mempunyai skor min yang lebih tinggi (M=2.98, SD=1.19, n=15), berbanding golongan yang bekerja sendiri (M=2.90, SD=1.01, n=9), atau lain-lain (M=2.73, SD=1.01, n=11). Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan menurut pekerjaan responden iaitu $F(2, 35)=15.93$, $p>0.05$. Hipotesis null (H_0) ditolak.

Manakala dari segi kefahaman pula, golongan yang bekerja dengan pihak swasta mempunyai skor min paling tinggi (M=2.94, SD=1.56, n=15), berbanding golongan yang bekerja sendiri (M=2.76, SD=2.79, n=9), dan lain-lain (M=2.53, SD=1.73, n=11). Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek kefahaman menurut pekerjaan responden $F(2, 35)=13.55$, $p>0.05$. Hipotesis null (H_0) ditolak.

Dari aspek pengamalan al-Qur'an pula, golongan yang bekerja dengan swasta masih lagi mempunyai min yang paling tinggi ($M=3.02$, $SD=1.41$, $n=15$), berbanding yang bekerja sendiri ($M=2.85$, $SD=.813$, $n=9$) dan tidak bekerja atau lain-lain ($M=2.79$, $SD=1.03$, $n=11$). Ini juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek pekerjaan bagi tahap pengamalan al-Qur'an $F(2, 35)=14.10$, $p>0.05$. Hipotesis null (H_0) ditolak.

H₀(6): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dari segi pendapatan.

Jadual 4.19: Hasil Ujian ANOVA Satu Hala Perbezaan Tahap Pengetahuan,

Kefahaman dan Pengamalan dari Aspek Pendapatan

	Pendapatan	Min	Sisihan Piawai	F	P
Pengetahuan	<RM500	2.868	.794	5.264	.002*
	RM600-RM1000	3.015	.957		
	RM1100-RM1500	2.970	1.307		
	RM1600-RM2000	2.840	.		
	Tiada Pendapatan	2.772	1.352		
Kefahaman	<RM500	2.648	2.585	8.585	.000*
	RM600-RM1000	2.833	.776		
	RM1100-RM1500	3.010	1.698		
	RM1600-RM2000	2.930	.		
	Tiada Pendapatan	2.576	1.941		
Pengamalan	<RM500	2.833	.873	5.891	.001*
	RM600-RM1000	3.013	1.723		
	RM1100-RM1500	3.026	1.380		
	RM1600-RM2000	2.830	.		
	Tiada Pendapatan	2.810	1.092		

Analisis menunjukkan tahap pengetahuan al-Qur'an bagi responden yang berpendapatan RM600-RM1000 adalah paling tinggi ($M=3.02$, $SD=.957$, $n=4$), diikuti

golongan yang berpendapatan RM1100-RM1500 ($M=2.97$, $SD=1.31$, $n=11$), seterusnya <RM500 ($M=2.87$, $SD= .794$, $n=6$), RM1600-RM2000 ($M=2.84$, $n=1$) dan tiada pendapatan ($M=2.77$, $SD=1.35$, $n=13$). Terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan al-Qur'an dari aspek pendapatan responden iaitu $F(4, 35)=5.26$, $p>0.05$. Hipotesis null (H_0) ditolak.

Manakala pada tahap kefahaman pula, golongan yang berpendapatan RM1100-RM1500 mempunyai skor min paling tinggi ($M=3.01$, $SD=1.69$, $n=11$), seterusnya RM1600-RM2000 ($M=2.93$, $n=1$), RM600-RM1000 ($M=2.83$, $SD= .776$, $n=4$), <RM500 ($M=2.65$, $SD=2.59$, $n=6$), dan yang terakhir golongan yang tiada pendapatan ($M=2.58$, $SD=1.94$, $n=13$). Analisis ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap kefahaman dari segi pendapatan responden $F(4, 35)=8.59$, $p>0.05$. Hipotesis null (H_0) ditolak.

Seterusnya dari segi pengamalan al-Qur'an pula, golongan yang berpendapatan RM1100-RM1500 mempunyai skor min paling tinggi ($M=3.03$, $SD=1.38$, $n=11$), diikuti pendapatan RM600-RM1000 ($M=3.01$, $SD=1.72$, $n=4$), <RM500 ($M=2.833$, $SD= .873$, $n=6$), RM1600-RM2000 ($M=2.83$, $n=1$), dan tiada pendapatan ($M=2.81$, $SD=1.09$, $n=13$) . Hasil analisis ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengamalan al-Qur'an dari aspek pendapatan $F(4, 35)=5.89$, $p>0.05$. Hipotesis null (H_0) ditolak.

Ho(7): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an di kalangan ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dari segi pendidikan.

Jadual 4.20: Hasil Ujian ANOVA Satu Hala Perbezaan Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Pengamalan dari Aspek Pendidikan

	Pendidikan	Min	Sisihan Piawai	F	P
Pengetahuan	Sek. Rendah	2.834	.786	21.077	.000*
	Sek.Menengah	2.977	1.192		
	Tidak Bersekolah	2.633	.858		
Kefahaman	Sek. Rendah	2.616	2.293	17.801	.000*
	Sek.Menengah	2.953	1.612		
	Tidak Bersekolah	2.480	.577		
Pengamalan	Sek. Rendah	2.826	1.068	11.635	.000*
	Sek.Menengah	3.006	1.416		
	Tidak Bersekolah	2.758	.486		

Jadual di atas menunjukkan tahap pengetahuan al-Qur'an bagi responden yang mempunyai pendidikan sehingga sekolah menengah paling tinggi (M=2.98, SD=1.19, n=17), berbanding pendidikan sehingga sekolah rendah (M=2.83, SD= .786, n=14), dan yang tidak bersekolah (M=2.63, SD= .858, n=4). Dapatan ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek pendidikan bagi pengetahuan seseorang responden $F(2, 35)=21.08$, $p>0.05$. Hipotesis null (H_0) ditolak.

Manakala bagi tahap kefahaman pula, golongan yang bersekolah sehingga peringkat menengah masih lagi mempunyai min paling tinggi (M=2.95, SD=1.61, n=17), diikuti pendidikan sekolah rendah (M=2.62, SD=2.29, n=14), dan tidak bersekolah (M=2.48, SD= .577, n=4). Analisis ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap kefahaman al-Qur'an mengikut tahap pendidikan seseorang iaitu $F(2, 35)=17.80$, $p>0.05$. Hipotesis null (H_0) ditolak.

Seterusnya bagi tahap pengamalan al-Qur'an, responden yang pendidikan sehingga sekolah menengah menunjukkan skor min paling tinggi ($M=3.01$, $SD=1.42$, $n=17$), diikuti pendidikan sehingga sekolah rendah ($M=2.83$, $SD=1.07$, $n=14$), dan responden tidak bersekolah ($M=2.76$, $SD= .486$, $n=4$). Hasil analisis ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pengamalan al-Qur'an menurut taraf pendidikan seseorang $F(2, 35)=11.64$, $p>0.05$. Hipotesis null (H_0) ditolak.

Kesimpulan analisis dalam pengujian hipotesis melalui ujian ANOVA sehala menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek demografi bagi tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an. Hasil kajian menunjukkan pengujian hipotesis ditolak kerana terdapat perbezaan yang signifikan di dalam aspek umur, status, pekerjaan, pendapatan dan pendidikan. Manakala dari aspek jantina dan bangsa pengujian hipotesis diterima kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan responden.

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Golongan cacat penglihatan merupakan golongan yang istimewa yang dijadikan oleh Allah SAW di atas muka bumi ini. Sebagai umat Islam kita mestilah sama-sama berganding bahu menghulurkan sumbangan atau bantuan selagi terdaya bagi membantu meringankan beban mereka. Perkhidmatan untuk golongan cacat penglihatan telah diwujudkan lebih awal lagi di luar negara seperti di England, Perancis dan Amerika Syarikat. Sebagai contohnya kerajaan Perancis telah menubuhkan Sekolah Kanak-kanak Buta pada tahun 1785. Di Malaysia pula perkhidmatan-perkhidmatan untuk membantu golongan ini telah diwujudkan oleh pihak kerajaan dan juga badan-badan sukarela. Di antara perkhidmatan yang disediakan ialah dengan memberi pendidikan, latihan sosial dan vokasional supaya dapat membantu mereka menyesuaikan diri dalam masyarakat serta dapat membantu meningkatkan taraf hidup mereka.

Pihak kerajaan telah berusaha membantu golongan cacat penglihatan ini dengan menubuhkan sekolah-sekolah khas di antaranya ialah Sekolah Rendah Princess Elizabeth di Johor Bahru, Sekolah Nicholas di Pulau Pinang dan Sekolah Menengah Khas Berasrama di Setapak, Kuala Lumpur. Selain dari sekolah-sekolah tersebut terdapat juga pusat-pusat latihan untuk tujuan memberi latihan vokasional dan pemulihan bagi keperluan golongan ini.

Selain pihak kerajaan, badan-badan NGO juga memainkan peranan penting untuk sama-sama membantu golongan kurang bernasib baik ini. Antara persatuan yang

ditubuhkan ialah Persatuan Orang-orang Buta Malaysia (MAB) yang menyediakan latihan vokasional kepada pelajar-pelajar yang baru menamatkan pengajian mereka untuk menceburi bidang-bidang yang diminati. Perkhidmatan ini amat penting untuk membantu golongan yang cacat penglihatan mendapatkan peluang pekerjaan apabila melangkah ke alam pekerjaan nanti dan dapat menjalani kehidupan dengan lebih selesa.

Dalam memberikan sumbangan kepada golongan cacat penglihatan, PERTIS juga turut memainkan peranan yang penting untuk membantu golongan ini dengan memberikan penekanan kepada aspek keagamaan. Ini kerana PERTIS merupakan satu-satunya pertubuhan Islam bagi golongan cacat penglihatan yang terdapat di Malaysia. Penerbitan Al-Qur'an Braille umpamanya merupakan salah satu sumbangan yang besar telah diberikan oleh pihak PERTIS untuk membantu semua individu cacat penglihatan Islam menunaikan tuntutan Syariat. Kelas pengajian al-Qur'an yang telah dijalankan oleh pihak PERTIS bertujuan untuk membantu golongan cacat penglihatan ini untuk mendalami ilmu al-Qur'an, belajar membaca al-Qur'an, menghayati isi kandungan al-Qur'an dan mengamalkannya dalam kehidupan harian.

5.2 RUMUSAN HASIL KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dipaparkan, pengkaji berpendapat bahawa pengajian al-Qur'an yang telah dijalankan oleh pihak PERTIS adalah sangat baik dan mendapat sambutan dan maklum balas yang menggalakkan dari orang ramai. Melalui pengajaran yang dijalankan di dalam kelas, tenaga pengajar telah menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang sesuai bagi memudahkan golongan ini menguasai isi pelajaran yang diajar. Selain itu juga, minat dan semangat yang mendalam serta keinginan yang tinggi untuk belajar mendalami kitab al-Qur'an menyebabkan mereka

tidak merasa susah atau menghadapi kesulitan yang besar untuk berulang alik ke kelas pengajian walaupun jarak untuk ke kelas agak jauh.

Berdasarkan temuramah yang dilakukan, golongan ini mempunyai latar belakang yang berbeza dan kisah hidup yang pelbagai dan pastinya menuntut seribu pengorbanan untuk mereka melalui kehidupan pada hari ini seperti insan normal yang lain. Namun berbekalkan semangat juang yang tinggi, golongan cacat penglihatan ini dapat mencari ilmu seperti orang lain dan mempelajari ilmu al-Qur'an dengan baik. Pihak PERTIS juga telah mencetak sendiri kitab suci al-Qur'an untuk kegunaan ahli-ahli PERTIS dan golongan cacat penglihatan lain. Ini adalah salah satu sumbangan yang besar pihak PERTIS untuk golongan ini.

PERTIS merupakan sebuah persatuan yang banyak memberi sumbangan dan perkhidmatan bagi membantu golongan cacat penglihatan menjalani kehidupan dengan lebih baik. Dengan tertubuhnya PERTIS maka pelbagai aktiviti dapat dijalankan dengan lebih teratur dan tersusun seperti program-program berbentuk ilmiah dan aktiviti sosial. Di antara kelas yang dijalankan oleh pihak PERTIS ialah kelas pengajian al-Qur'an yang di adakan pada setiap hujung minggu di Kompleks MAB Brickfield dan Pejabat PERTIS Seberang Takir, Kuala Terengganu.

Golongan cacat penglihatan Islam pada hari ini telah mendapat banyak kemudahan yang disediakan oleh pelbagai pihak yang prihatin terhadap nasib mereka dan tampil menghulurkan sumbangan. Selain bantuan berbentuk kewangan, mereka juga berjaya menghasilkan al-Qur'an Braille bagi memudahkan golongan ini membaca dan mengenal al-Qur'an seperti insan normal yang lain. Pihak PERTIS juga adalah

persatuan pertama di Malaysia yang berjaya menerbitkan al-Qur'an Braille dan mempunyai mesin pencetaknya sendiri. Ini akan memudahkan golongan cacat penglihatan di Malaysia untuk memiliki naskah al-Qur'an sendiri selain buku-buku agama yang menggunakan tulisan Braille. Dengan tertubuhnya PERTIS ini maka segala bantuan dan sumbangan yang dihulurkan oleh pelbagai pihak dapat disalurkan dengan baik untuk kebajikan semua pihak yang memerlukan. Golongan cacat penglihatan amat memerlukan bantuan dari pihak lain demi memajukan diri mereka dan mereka juga mampu memberi sumbangan kepada pembangunan negara seandainya diberi peluang yang sewajarnya.

Hasil daripada analisis yang dilakukan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan responden lelaki lebih tinggi berbanding perempuan. Dari segi umur golongan yang berumur antara 16 hingga 29 tahun tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan mereka lebih tinggi berbanding golongan yang 30 tahun ke atas. Manakala golongan yang berumur antara 60 hingga 69 tahun tahap pengetahuan mereka berkaitan al-Qur'an Braille sangat rendah.

Selain itu, bagi responden berstatus bujang tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an mereka lebih tinggi berbanding golongan yang telah berumahtangga. Manakala bagi responden berbangsa Melayu pula tahap pengetahuan mereka lebih tinggi berbanding responden berbangsa Cina. Namun begitu, dari sudut kefahaman dan pengamalan al-Qur'an pula, responden berbangsa Cina lebih tinggi berbanding bangsa Melayu.

Hasil analisis juga menunjukkan golongan yang bekerja dengan pihak swasta mempunyai tahap pengetahuan, tahap kefahaman dan pengamalan al-Qur'an yang lebih tinggi berbanding golongan yang bekerja sendiri atau tidak bekerja. Manakala responden yang berpendapatan RM1000 ke atas pula mempunyai tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan yang lebih tinggi berbanding golongan yang berpendapatan kurang dari RM500 atau tidak mempunyai pendapatan.

Dari segi pendidikan, responden yang mendapat pendidikan sehingga peringkat menengah mempunyai tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan yang lebih tinggi berbanding responden yang bersekolah rendah sahaja atau tidak bersekolah. Ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan seseorang mempengaruhi pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an seseorang. Dari segi cacat penglihatan, golongan yang mendapat cacat penglihatan sejak lahir dan secara semulajadi mempunyai tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an lebih tinggi berbanding golongan yang mendapat kecacatan semasa remaja atau dewasa.

5.3 CADANGAN

Bagi memantapkan lagi pengajian al-Qur'an yang dijalankan, pelbagai cadangan dan saranan telah diberikan oleh responden yang terlibat. Antara cadangan yang diberikan ialah pihak PERTIS perlu lebih mengambil berat lagi di masa akan datang bagi menjadikan kelas pengajian ini lebih mendapat sambutan dari orang ramai. Secara umumnya kelas yang diadakan adalah sangat baik dan mendapat maklum balas yang memberangsangkan dari ahli-ahli PERTIS. Namun pelbagai langkah perlu diambil bagi memantapkan lagi kelas pengajian ini. Antara langkah yang boleh diambil untuk memperkenalkan dan mempromosikan kelas pengajian al-Qur'an ini ialah pihak

pengurusan PERTIS bolehlah mengiklankan di surat khabar, laman web, radio atau alat media yang lain. Usaha ini dilihat dapat meningkatkan lagi prestasi PERTIS dan memperkenalkan usaha PERTIS untuk memartabatkan al-Qur'an dan Islam di negara ini.

Antara saranan lain ialah pihak PERTIS perlu menyediakan tempat belajar yang lebih selesa kepada para pelajar. Jika sebelum ini kelas yang di adakan adalah bertempat di surau dan tidak mempunyai kerusi meja yang lengkap, maka seharusnya selepas ini disediakan tempat yang selesa seperti di dalam kelas yang mengandungi peralatan yang lengkap bagi kemudahan pelajar untuk belajar.

Selain itu, pihak PERTIS juga disarankan agar dapat memberi elaun perjalanan bagi pelajar yang mengikuti kelas pengajian al-Qur'an di Kuala Lumpur. Elaun ini di harap dapat meringankan beban pelajar yang terpaksa membayar tambang bas atau teksi yang tinggi ketika berulang alik menghadiri kelas pengajian al-Qur'an setiap minggu. Elaun perjalanan telah diberikan oleh pihak PERTIS bagi pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di Kuala Terengganu. Ternyata usaha ini dapat membantu pelajar dan meringankan beban mereka untuk membayar tambang pengangkutan dan diharap pihak PERTIS Terengganu dapat mempercepatkan pembayaran elaun kepada para pelajar dimasa akan datang.

Antara cadangan lain yang dikemukakan oleh pelajar yang mengikuti kelas pengajian ini ialah memohon agar dipanjangkan masa belajar bagi kelas pengajian ini dari 2 jam kepada 3 jam atau lebih. Sekiranya masa yang diajar lebih panjang maka pelajar dapat meningkatkan lagi kecekapan mereka dalam membaca al-Qur'an dan

dapat bersoal jawab dengan guru sekiranya menghadapi masalah dalam pembelajaran. Selain itu, adalah disarankan pihak PERTIS dapat mengekalkan guru yang sama dan tidak kerap menukar guru bagi memudahkan pelajar dapat memberi tumpuan ketika guru mengajar.

Selain itu, disarankan agar pihak PERTIS atau pihak-pihak lain dapat menjalankan Seminar Pemantapan Al-Qur'an, Bengkel Tajwid atau Tafsir Al-Qur'an bagi ahli-ahli PERTIS bagi memantapkan lagi kefahaman dan penghayatan mereka di dalam memahami isi kandungan kitab al-Qur'an al-Karim. Melalui seminar ini juga dapat menambahkan ilmu mereka dan menilai sejauhmana kefahaman mereka serta menarik minat lebih ramai lagi golongan cacat penglihatan untuk mempelajari al-Qur'an.

Cadangan yang dikemukakan oleh guru yang mengajar al-Qur'an di sini kepada pihak PERTIS ialah beliau berharap agar dapat mengeluarkan sijil penyertaan apabila pelajar telah khatam al-Qur'an. Usaha ini dilihat dapat memotivasikan pelajar untuk belajar al-Qur'an dengan lebih tekun lagi dan mengamalkannya dalam kehidupan harian. Selain itu, guru tersebut juga berharap kepada pelajar yang telah khatam al-Qur'an agar dapat ditonjolkan sebagai tenaga pengajar di masa akan datang dan dapat menyampaikan ilmu kepada rakan-rakan yang lain. Jika semua cadangan ini diberi perhatian maka prestasi kelas pengajian al-Qur'an ini dapat ditingkatkan lagi dengan lebih baik.

5.4 PANDANGAN TERHADAP PENGAJIAN AL-QUR'AN DI PERTIS

Pengajian al-Qur'an yang telah dijalankan oleh pihak PERTIS ini mendapat maklum balas yang baik dari pelbagai pihak sama ada dari orang ramai, pihak swasta dan pihak kerajaan. Menurut Penerbit Rancangan JAKIM, Puan Saniah binti Ahmad⁵⁷, kelas pengajian al-Qur'an di kalangan orang cacat penglihatan perlu ditingkatkan lagi di masa hadapan dengan memberi peluang kepada golongan ini meningkatkan ilmu mereka dalam dalam bidang agama dan memperbanyakkan lagi kelas pengajian seumpama ini. Pihak yang berkemampuan perlu menyalurkan sumbangan kepada pihak PERTIS supaya setiap ahli PERTIS dapat memiliki al-Qur'an Braille bagi memudahkan mereka untuk membaca al-Qur'an ketika berada di rumah atau ditempat kerja. Memandangkan kos untuk membeli al-Qur'an agak mahal, maka pihak PERTIS perlu mencari dana atau memohon sumbangan dari pelbagai pihak demi untuk membantu ahli-ahli PERTIS yang tidak berkemampuan untuk memiliki al-Qur'an Braille sendiri.

Selain itu, menurut beliau pihak RTM juga banyak menerbitkan rancangan yang memaparkan kehidupan golongan cacat penglihatan mencari ilmu, mendalami ilmu agama dan mempelajari al-Qur'an. Rancangan sebegini sangat penting untuk memberi kesedaran kepada pihak lain supaya sentiasa berusaha untuk maju dalam hidup dan seterusnya berusaha untuk memperbaiki kehidupan peribadi masing-masing.

⁵⁷ Temubual bersama Penerbit Rancangan JAKIM, Puan Saniah binti Ahmad pada 4 Julai 2008, jam 10.30 pagi bertempat di Pejabat PERTIS 134-1 Taman Seri Setapak, KM 4 Jalan Gombak, Kuala Lumpur

5.5 PENUTUP

Kelas pengajian al-Qur'an yang telah dianjurkan oleh pihak PERTIS ini adalah satu usaha yang sangat baik dan murni bagi membantu golongan cacat penglihatan mempelajari al-Qur'an. Ia telah dijalankan dipelbagai peringkat umur dan mendapat maklum balas yang baik dari orang ramai. Dalam kajian ini pengkaji telah mengkhususkan kepada dua tempat pengajian al-Qur'an yang telah dianjurkan oleh pihak PERTIS iaitu di Brickfields, Kuala Lumpur dan Seberang Takir, Kuala Terengganu. Pelbagai kaedah pengajaran telah digunakan dalam pengajian ini mengikut tahap kebolehan pelajar. Antara kaedah yang sering digunakan ialah kaedah talaqqi dan musyafahah, kaedah penerangan, kaedah latih tubi, kaedah soal jawab dan sebagainya.

Kesimpulan yang dapat diambil dari kajian yang telah dilakukan ini ialah melalui soal selidik yang dijalankan menunjukkan perbezaan tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan al-Qur'an di kalangan responden berdasarkan latar belakang seperti jantina, umur, bangsa, pendidikan, pendapatan dan lain-lain. Daripada temuramah yang dijalankan ternyata ahli-ahli PERTIS yang menyertai kelas pengajian al-Qur'an ini mempunyai masalah yang berbeza dan memerlukan kerjasama dari banyak pihak untuk menyelesaikannya. Selain itu juga, pelbagai pihak perlu tampil ke depan untuk memberi sumbangan bagi memantapkan lagi kelas pengajian ini dengan menyediakan tempat belajar yang lebih selesa dan kemudahan-kemudahan lain kepada para pelajar seperti kewangan. Semangat yang kuat yang ditunjukkan oleh para pelajar untuk mendalami al-Qur'an patut dipuji dan sebagai insan normal seharusnya menjadikan usaha ini sebagai satu perangsang semangat untuk melakukan yang lebih baik di masa akan datang.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Aziz Mohd Zain (2001), *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris (1999), *Mengenal Al-Qur'an dan Asas-asas Ulumul Qur'an*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Afaf Abdul Ghafoor Hameed (et al) *Isu Semasa Pengajian Qur'an dan Sunnah*, Fakulti Pengajian Qur'an dan Sunnah: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Abu Abdullah Az-Zanjani (1986), Kamaluddin Marzuki Anwar (Terj), *Wawasan Baru Tarikh Al-Qur'an*, Bandung: Penerbit Mizan.
- Alimah binti Abd Rahman (2006), *Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah al-Qur'an Menerusi Tulisan Braille Di Sebuah Sekolah*, Disertasi, Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Aminah binti Ishak (1990), *Maklumat Pekerjaan Dan Masalah Penempatan Pekerjaan Di Kalangan Pelajar Cacat Penglihatan Di Peringkat Menengah Atas*, Disertasi, Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya
- Chin Kho Nee (2002), *Penggunaan Media Di Kalangan Minoriti: Satu Kajian Kes Golongan Cacat Penglihatan Di Kuala Lumpur*, Disertasi, Kuala Lumpur
- Hasan al-Banna (1998), Muhammad Baihaqi (Terj), *Keagungan Al-Qur'an*, Selangor: Pustaka Ilmi
- Hasnah Udin (1992), *Bimbingan Kanak-Kanak Luar Biasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

H. Munawar Khalil dan Ramadhani Semarang (t.t) *Al-Qur'an Dari Masa Ke Masa*

H. St. Amanah (1993), *Pengantar Ilmu Al-Qur'an Dan Tafsir*, Kuala Lumpur: Asy-Syifa'Darul Fikir

Ibrahim Jelani (2006), *Pengenalan Braille*, Kertas kerja dibentangkan semasa Kursus Asas Pendidikan Khas Guru-guru Agama Kerajaan Johor, Peringkat Negeri Johor, Hotel Good Hope, Skudai, Johor Bahru, 14 hingga 18 Ogos 2006.

Imam al-Nawawi (1997), Anwar Fakhri bin Haji Omar (Terj), *Adab-adab Bersama Al-Qur'an*, Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Ismail Awang (1987), *Pengajian Dan Tafsir Al-Qur'an*, Kota Bharu: Dian Darul Naim Sdn. Bhd.

Kaaroline a/p Francis Stanislaus (1998), *Peranan Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (POCPM) Dalam Perkhidmatan Kepada Komuniti Cacat Penglihatan*, Kuala Lumpur: Jabatan Antropologi Dan Sosiologi, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial.

Koentjaraningrat (et.al), (1977), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Penerbit PT Gramedia.

Laxme Preyalatha a/p E.Narayanan (2002), *Sumbangan Pertubuhan Sukarela Ke Atas Komuniti Cacat Penglihatan: Kajian Kes Di Kompleks Persatuan Bagi Orang Buta, Brickfield Kuala Lumpur*, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Jabatan Antropologi Dan Sosiologi, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial.

Mardzelah Makhsin, Afifah Abu Yazid, Rosnaaini Hamid, Haslinda Hasan, Dr. Arsaythamby A/L Veloo, Hj. Mohamad Fadhli Ilias (2009), *Pandangan dan Kefahaman Masyarakat Bukan Muslim Terhadap Agama Islam Di Malaysia, Kerjasama Dan Persefahaman Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Universiti Utara Malaysia*.

- Mohd Majid Konting (2005), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd. Yusuf Ahmad (2000), *Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Muhammad Mutawalli Sya'rawi (2003), Syed Ahmad Semait (Terj), *Mu'jizat Al-Qur'an*, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Noorain binti Harun (2002), *Metode Dakwah Kepada Golongan Cacat Penglihatan Di PERTIS (Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia)*, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Jabatan Antropologi Dan Sosiologi Universiti Malaya.
- Noresah Baharom (ed.al), (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noorzila Jamaludin (2002), *Majalah al-Islam, PERTIS Bantu Tingkatkan Ilmu Dan Iman*, Selangor: Utusan Karya Sdn. Bhd.
- Robert G. Burgess (1982), *Field Reseach: A Soucebook And Field Manual*, London: George Allan & Unwin
- Roshaida Yaacob (2003), *Al-Qur'an Braille, Kaedah Penerbitan Dan Sumbangannya Kepada Golongan Cacat Penglihatan: Kajian Di Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)*, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Seripah Zin Sayed Ali (1996), *Pengajian Al-Qur'an Di Zaman Rasulullah SAW*, Seminar Pengajian Usuluddin Peringkat Kebangsaan 4-6 Oktober 1996, Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Winardi (1976), *Pengantar Metodologi Research*, Bandung: Penerbit Alumni

Winarno Surachmad (1970), *Dasar dan Teknik Research Pengantar Metodologi Ilmiah*, Bandung: Penerbit C.V. Tarsito

Wong Yoon Kiong (1991), *Perkhidmatan Sosial Untuk Orang Cacat Penglihatan Di Malaysia: Satu Kajian Kes Pertubuhan Orang Buta Malaysia (POBM)*, Disertasi, Kuala Lumpur: Jabatan Antropologi Dan Sosiologi Universiti Malaya

Kertas Kerja Program Penerangan Aktiviti dan Promosi PERTIS melalui Media Elektronik dengan Kerjasama Radio Penerangan Malaysia (Radio 8) yang disediakan oleh Biro Tugas Khas dan Hal Ehwal Luar PERTIS,

_____ (1998), *Kod Braille Wasilah Bacaan Al-Qur'an*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Zulkifli Hj.Mohd Yusoff (1996), *Kunci Mengenal Al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd.

<http://myjasa.com/pertis06/kenali.html>,